

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْحِ الْمَآثِرِ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2021

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN
KESUKARELAWAN

KETUA PTJ :

ZULKIFLI BIN MOHAMED

KETUA UNIT KUALITI :

NIK ZAM NIK WAN

PENYELARAS :

NOORADZLINA BINTI MOHD PAUZI

PENULIS :

1. NIK ZAM NIK WAN
2. NOORADZLINA BINTI MOHD PAUZI
3. NASUHAR BINTI AB AZIZ
4. MOHD FAIEZ BIN SUHAIMIN
5. ROSELIZA BINTI HAMID
6. NOORFADZILAH BINTI ARIFIN
7. FADHILAH BINTI MOHD ISHAK @ ZAINUDIN

8. WAN MASNIEZA BINTI WAN MUSTAPHA
9. AZWAN SHAH BIN AMINUDDIN
10. WAN SAIFUL'AZZAM BIN WAN ISMAIL
11. NIK SARINA BINTI NIK MD SALLEH
12. FARAHANIE BINTI FAUZI
13. NADIA FARLEENA BINTI MOHD AZNAN
14. NOR HARYANTI BINTI MD NOR
15. INTAN NURUL'AIN BINTI MOHD FIRDAUS KOZAKO
16. RUSLAINA BINTI YUSOFF
17. NUR AIN BINTI ABDUL MALEK
18. WAN NUUR FAZLIZA BINTI WAN ZAKARIA
19. ROHAZLYN BINTI ROSLY
20. SUZANA BINTI SAN
21. SYUHAILA BINTI RAZAK
22. ROSLIZA BT ABU BAKAR
23. ANITA BINTI CHE HASSAN
24. NOR JASLINA BINTI NIK WIL
25. AZILAWATI BINTI ABDULLAH @ ABD AZIZ
26. AHMAD MUDZFIR BIN ZUBIR
27. MUHAMMAD FIRDAUS BIN MUSTAPHA
28. MOHD AZRY BIN ABDUL MALIK
29. ANITA BINTI CHE HASSAN

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan kanan adalah elemen penting di sebalik kejayaan UiTMCK. Kepimpinan kanan yang efektif dan efisien dapat mencapai objektif, visi dan misi UiTMCK dan seterusnya menghasilkan prestasi kerja yang cemerlang. Justeru itu, kepimpinan kanan dapat menerajui dan mendorong warga kampus bekerja ke arah pencapaian matlamat UiTMCK. Peralihan kepimpinan kanan di antara PM Dr. Tuan Mohd Rosli Tuan Hassan dan PM Dr. Zulkifli Mohamed pada 1 Julai 2019 masih mengekalkan bidang tumpuan yang sama iaitu Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. PM Dr. Zulkifli memperkenalkan slogan baru UiTMCK iaitu **“Championing Datapreneurship, Empowering Community”**. Slogan ini adalah kesinambungan slogan di bawah pimpinan mantan Rektor iaitu **“Leading in Entrepreneurship and Community Engagement”**. Bidang tumpuan yang dipilih bertepatan dengan situasi pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia.

Berteraskan slogan UiTMCK, kepimpinan kanan merancang aktiviti-aktiviti yang melibatkan kemasyarakatan dan memperkasakan alumni secara sistematik dan menyeluruh agar objektif dapat dicapai melalui Perancangan strategik 2016-2020. Unit Strategik dan Transformasi Universiti (UTU) bertanggungjawab memantau pencapaian petunjuk prestasi UiTMCK agar selari dengan objektif UiTM. Kepimpinan kanan telah memberi sokongan dan memastikan segala keperluan sumber dipenuhi untuk memastikan aktiviti-aktiviti yang dirancang dilaksanakan sepenuhnya. Penularan wabak COVID-19 ada tahun 2020, mendorong kepimpinan kanan memberi kelulusan sepenuhnya untuk menjalankan aktiviti berkaitan bidang tumpuan dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk mengekang penyebaran pandemik COVID-19.

Kepimpinan kanan menggunakan pelbagai pendekatan yang sistematik untuk memantau dan memastikan program dan aktiviti yang dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan di UiTMCK. Justeru itu, kepimpinan kanan berupaya untuk mengesan pencapaian dan kemajuan sesuatu program serta ketidakpatuhan terhadap prosedur yang ditetapkan. Seterusnya proses mengenalpasti risiko diuruskan oleh Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTMCK yang berfungsi untuk memastikan risiko setiap program diurus dengan baik. Pelan risiko yang diadakan adalah untuk mengenal pasti risiko, mengetahui punca risiko, merancang tindakan pencegahan dan merangka kaedah kawalan jika risiko berlaku.

Komunikasi dua hala melalui beberapa mesyuarat yang melibatkan semua pengurusan kanan UiTMCK secara berkala diamalkan bagi memantapkan proses penambahbaikan di UiTMCK. Ini bertujuan untuk mencapai prestasi yang disasarkan dalam bidang tumpuan. Proses penambahbaikan yang berterusan diadaptasi oleh kepimpinan kanan, di mana tindakan-tindakan strategik yang dirancang dengan teliti supaya program yang dirancang berkualiti, mencapai objektif dan menghasilkan output yang dapat memenuhi kehendak pelanggan UiTMCK.

Kepimpinan kanan menerapkan amalan integrasi yang menyatupadukan warga UiTMCK dan masyarakat melalui pemuafakatan untuk mencapai bidang tumpuan. Secara umumnya kepimpinan kanan sentiasa mengalakkan pembudayaan dan nilai-nilai murni di kalangan warga kampus. Oleh itu, ini membuka ruang kepada kepimpinan kanan untuk memahami permasalahan kehidupan warga kampus dan masyarakat dalam menghadapi pandemik COVID-19. Pembudayaan norma baharu dan pematuhan SOP diterapkan di kalangan warga kampus UiTMCK bertujuan untuk membendung penularan wabak COVID-19.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCK memilih bidang tumpuan **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan** sejak tahun 2018. Peralihan kepimpinan kanan di antara PM Dr. Tuan Mohd Rosli Tuan Hassan dan PM Dr. Zulkifli Mohamed pada 1 Julai 2019 masih mengekalkan bidang tumpuan yang sama. PM Dr. Zulkifli memperkenalkan slogan baru UiTMCK iaitu “**Championing Datapreneurship, Empowering Community**”. Slogan ini adalah kesinambungan slogan di bawah pimpinan mantan Rektor iaitu “*Leading in Entrepreneurship and Community Engagement*”. Slogan ini sejajar dengan Amanat Tahunan Naib Canselor UiTM 2019 iaitu Melonjak Profil Global UiTM, Sumbangan Berimpak Tinggi kepada Masyarakat. Perubahan slogan tidak merubah matlamat UiTMCK untuk memastikan warga kampus mempunyai fokus yang jelas terhadap matlamat yang perlu dicapai dan mampu menyumbang ke arah pencapaian organisasi cemerlang. Slogan yang diperkenalkan antara lain adalah bertujuan untuk memacu UiTMCK ke arah pencapaian objektif-objektif perancangan strategik yang bagi tempoh 2016-2020. Di antara objektif yang mendorong pemilihan bidang tumpuan adalah untuk memperkasakan hubungan bestari dan kerjasama strategik untuk pembangunan masyarakat serta perubahan sosial dan ekonomi (akademik, industri dan masyarakat).

Pemilihan bidang tumpuan ini bertepatan dengan situasi semasa negara serta dunia yang dilanda pandemik COVID-19 pada Mac 2020. Oleh itu, kepimpinan kanan mengambil langkah proaktif dengan merancang program untuk membantu barisan hadapan yang memerlukan bantuan segera bagi menghadapi COVID-19.

Hala tuju perancangan UiTMCK adalah berlandaskan Amanat Naib Canselor UiTM 2019 dan 2020 di mana beliau menekankan kepentingan sumbangan UiTM kepada masyarakat dan memperkasa jaringan dengan alumni (**Rujuk bukti 1**). Berteraskan slogan UiTMCK, kepimpinan kanan merancang aktiviti-aktiviti yang melibatkan kemasyarakatan dan memperkasakan alumni secara sistematik dan menyeluruh agar objektif dapat dicapai.

Perancangan strategik 2016-2020 telah dirangka untuk mengariskan panduan pelaksanaan program dan aktiviti agar bertepatan dengan objektif UiTMCK yang hendak dicapai. Unit Strategik dan Transformasi Universiti (UTU), sebelum ini dikenali Unit Perancangan dan Maklumat Strategik (UPS) bertanggungjawab memantau pencapaian petunjuk prestasi UiTMCK agar selari dengan objektif UiTM. Melalui perancangan strategik, kepimpinan kanan boleh mengkoordinasi perancangan aktiviti setiap fakulti dan bahagian untuk memastikan setiap objektif tercapai dengan melantik Penyelaras Perancangan Strategik setiap fakulti dan bahagian untuk menyelaras aktiviti-aktiviti yang dirancang selari dengan sasaran indeks pencapaian strategik yang telah ditetapkan.

Kepimpinan kanan telah mensasarkan 100 program berkaitan bidang tumpuan sebagai petunjuk prestasi pada tahun 2019 dan seramai 53 orang staf terlibat dengan program kesukarelawan dan 13 bilangan alumni yang terlibat dalam program jaringan bestari (**Rujuk bukti 2**). Manakala pada tahun 2020 kepimpinan kanan juga merancang dan menetapkan beberapa program untuk memenuhi sasaran bidang tumpuan UiTMCK (**Rujuk bukti 3**).

SENARAI BUKTI:

1. [1.2 bukti 1 - Amanat Tahun Baru Naib Canselor - 2019.pdf](#)
2. [1.2 bukti 2- Laporan Aktiviti Target dan Achievement 2019.pdf](#)
3. [1.2 bukti 3- Laporan Aktiviti Target Dan Achievement 2020.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Objektif dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dan disokong oleh kepimpinan kanan UiTMCK yang menjadi petunjuk prestasi utama. Bagi melancarkan dan memastikan aktiviti-aktiviti yang dirancang dilaksanakan sepenuhnya, maka pihak kepimpinan kanan telah memberi sokongan dan memastikan segala keperluan sumber dipenuhi seperti sumber kewangan, tenaga kerja, fasiliti dan sebagainya. Kepimpinan kanan memberi kelulusan sepenuhnya untuk menjalankan aktiviti berkaitan bidang tumpuan, bagi tahun 2020 kelulusan diberi dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk mengekang penyebaran pandemik COVID-19.

Kepimpinan kanan meluluskan dan menyokong penggunaan kemudahan fasiliti UiTMCK dan kepakaran sumber tenaga untuk mengerakkan dan menjayakan bidang tumpuan. Pada tahun 2020, negara telah dilanda pandemik COVID-19 dan menyebabkan sistem kesihatan terjejas. Bagi menangani kekurangan keperluan kelengkapan pelindung diri, kepimpinan kanan telah memberi kelulusan segera untuk program **“Together We Stand”**. Dimana **“Face Shield DIY UiTMCK”** telah dihasilkan dengan kerjasama kakitangan, pemimpin pelajar dan mahasiswa UiTMCK. Pada 29 Mac kepimpinan kanan telah menyerahkan **“Face Shield DIY UiTMCK”** kepada Hospital Kuala Krai, Hospital Machang dan Klinik Kesihatan Labok (**Rujuk bukti 1**) untuk meringankan beban petugas barisan hadapan dan program ini dilaksanakan secara berperingkat mengikut fasa.

Bukti 2 menunjukkan proses pelaksanaan aktiviti - aktiviti yang telah ditetapkan oleh UTU di UiTMCK. Satu jawatankuasa bertindak telah ditubuhkan bagi menggariskan pelbagai inisiatif serta pelan tindakan yang berkaitan dengan program yang dilaksanakan. Berpandukan kepada objektif strategik yang ditetapkan oleh UTU, jawatankuasa bertindak akan mengadakan mesyuarat, bengkel dan perbincangan bagi membentuk inisiatif dan pelan tindakan.

Kepimpinan kanan mengunapakai komunikasi dua hala untuk menyalurkan maklumat kepada staf dan mahasiswa UiTMCK. Bagi menggerakkan keseluruhan organisasi ke arah mencapai objektif, pelbagai medium sebaran telah digunakan untuk memaklumkan kepada semua staf dan pihak yang terlibat bagi tujuan pelaksanaan. Di antara medium sebaran maklumat yang digunapakai ialah memo, surat rasmi, email dan lain-lain medium sebaran tradisional. Selain daripada itu, penggunaan media social secara meluas iaitu whatapps, telgram, facebook live dan youtube dapat menyebarkan maklumat lebih berkesan dan cepat memandangkan pada awal tahun 2020 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diperkenalkan untuk membendung wabak COVID-19. Kepimpinan kanan mematuhi arahan kerajaan untuk membenarkan warga kampus bekerja dari rumah dan mengeluarkan garis panduan untuk memastikan integriti, amanah dan tanggungjawab dilaksanakan dengan sempurna. Kepimpinan baru telah membuat penambahbaikan dengan mengadakan program perhimpunan bulanan UiTMCK bersama Rektor. Melalui perhimpunan ini banyak maklumat dapat disebarkan secara langsung kepada warga UiTMCK.

Untuk mengerakkan aktiviti-aktiviti yang melibatkan alumni, kepimpinan kanan menerusi Ketua Pusat Pengajian (KPP) menjemput secara rasmi penceramah jemputan di kalangan alumni industri untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan berkaitan dengan industri bersama mahasiswa. Kepimpinan kanan menyokong hubungan rapat antara alumni dan fakulti untuk memperkasa jaringan kerjasama antara universiti dan industri.

Bukti 3 dan 4 menunjukkan pencapaian sebenar petunjuk prestasi bagi tahun 2019 dan 2020. Melalui laporan akhir KPI – UiTMCK yang disediakan oleh UTU menunjukan peningkatan prestasi dalam bidang tumpuan daripada 136% kepada 151%. Peningkatan sebanyak 15% membuktikan pandemik COVID-19 tidak menghalang pelaksanaan program seperti yang telah dirancang dan membuktikan warga UiTMCK komited dalam menjayakan sesuatu program walaupun terdapat pelbagai kekangan akibat daripada pandemik COVID-19.

SENARAI BUKTI :

1. [1.3 bukti 1 - Face Shield DIY UiTMCK.pdf](#)
2. [1.3 bukti 2 - Proses Pelaksanaan Aktiviti.pdf](#)
3. [1.3 bukti 3- Laporan Aktiviti Target dan Achievement 2019.pdf](#)
4. [1.3 bukti 4 - Laporan Aktiviti Target Dan Achievement 2020.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan adalah pengawasan yang berterusan dan bersistematik di mana kepimpinan kanan bertanggungjawab untuk meneliti, menilai dan mengukur hasil pelaksanaan program dan aktiviti. Di antara kaedah pemantauan yang digunapakai ialah Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE), Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), Bengkel Perancangan Strategik, Bengkel Pengukuhan Data, mesyuarat berkala untuk setiap program atau aktiviti dan Mesyuarat Kajian Semula setiap program. Ini bagi memastikan program dan aktiviti yang dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan di UiTMCK .**(Rujuk Bukti 1)**

Melalui proses pemantauan, kepimpinan kanan berupaya untuk mengesan pencapaian sesuatu program. Kepimpinan kanan juga mampu mengesan kemajuan dan ketidakpatuhan terhadap prosedur yang ditetapkan. Pusat tanggungjawab perlu melaporkan kemajuan program dalam mesyuarat yang dijalankan secara berkala.

Selain itu, pemantauan juga dilaksanakan oleh Jawatankuasa UTU sekurang-kurangnya setiap tiga (3) bulan sekali bertujuan untuk memastikan program yang dirancang telah dilaksanakan dengan sempurna. Proses pemantauan program oleh UTU bermula dengan proses semakan dan pemantauan program secara keseluruhan. Perincian program akan dibentangkan dalam MKSP / JKEN. Seterusnya penilaian laporan hasil semakan program ditentukan berdasarkan status terkini pelaksanaan. Hasil maklumbalas dan keputusan mesyuarat MKSP / JKEN diambil tindakan kepada UTU untuk tindakan selanjutnya. Penetapan strategi berdasarkan teras melalui Mesyuarat Ketua Pemilik Performance Indicator (PI) UiTMCK.

Ketua Sistem Audit (KSA), di bawah pengurusan Unit Kualiti UiTMCK bertanggungjawab memantau dan melaporkan hasil audit kepada kepimpinan kanan untuk ditambahbaik melalui pemantauan berkala oleh juruaudit dalam yang bertauliah. Juruaudit dalam perlu menjalani latihan dan kursus untuk meningkatkan kepakaran dan kecekapan dalam mengekalkan tahap professionalism. Hasil penemuan audit dibentangkan di dalam “*Exit Meeting*” bagi tindakan segera pihak berkenaan. Laporan audit juga dibentangkan dalam MKSP bagi peringkat UiTMCK untuk tindakan pengurusan kanan dan proses penambahbaikan yang berterusan. Pada tahun 2020 audit dalam dilaksanakan pada September, audit yang dirancang pada Mac dibatalkan disebabkan oleh pandemik COVID-19.

Kecekapan dan keberkesanan program dapat diukur melalui borang maklum balas program yang diisi oleh peserta. Pada tahun 2020, memandangkan program yang dijalankan kebanyakannya adalah atas talian, maka borang maklum juga telah ditambahbaik dan diedarkan dengan menggunakan “*google form*”. Melalui maklumbalas peserta, penambahbaikan program dapat dilaksanakan di masa hadapan. **(Rujuk Bukti 2)**

SENARAI BUKTI:

1. [1.4.1 bukti 1_MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN.pdf](#)
2. [1.4.1 bukti 2_Borang maklumbalas program.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTMCK berfungsi untuk memastikan risiko setiap program diurus dengan baik. Pelan risiko yang diadakan adalah untuk mengenal pasti risiko, mengetahui punca risiko, merancang tindakan pencegahan dan merangka kaedah kawalan jika risiko berlaku. UPR bertanggungjawab untuk mengkoordinasi fungsi Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR), Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri (JKKPN) dan Jawatankuasa Bencana Negeri (JOBN). UPR bermula dengan pelantikan pegawai risiko dan pemantau risiko di setiap unit dan fakulti. Pegawai risiko merupakan wakil setiap PTJ yang bertanggungjawab untuk memastikan setiap PTJ mendaftar risiko yang telah dikenalpasti. Manakala pemantau risiko merupakan mereka yang bertanggungjawab untuk memastikan tindakan pencegahan yang diluluskan telah diambil tindakan dalam tempoh yang ditetapkan.

Proses pengurusan risiko bermula dengan pendaftaran risiko oleh pegawai yang bertanggungjawab di dalam sistem pengurusan risiko iaitu "**Electronic Records Management System**" (e-RMS). Seterusnya, proses kemaskini dan analisa daftar risiko dilakukan untuk menentukan tahap impak risiko mengikut kategori, di mana empat kategori tahap impak risiko ditentukan seperti rendah, sederhana, tinggi dan extreme. Setelah tindakan pencegahan dilaksanakan, pegawai yang bertanggungjawab akan membuat pelaporan dengan menggunakan sistem e-RMS untuk merekod status tindakan pencegahan yang telah dilakukan seperti tarikh siap dan tarikh disemak. Status tindakan pencegahan dibentangkan oleh UPR dalam mesyuarat MKSP.

Pada tahun 2020, operasi JOBN diperluaskan dengan operasi COVID-19 UiTMCK dan operasi siapsiaga bencana (**Rujuk bukti 1**). Di antara fungsi JOBN ialah menyelaras kajian dan mengumpul maklumat mengenai potensi dan risiko kejadian bencana di kampus negeri. Bilik gerakan COVID-19 UiTMCK beroperasi bermula 19 Mac 2020 untuk menjaga kebajikan pelajar-pelajar yang berada di kolej kediaman dan pelajar non-resident (NR) yang tidak dapat pulang semasa perintah kawalan pergerakan (PKP).

JBON berfungsi dalam menentukan pelaksanaan tindakan di peringkat universiti oleh jawatankuasa terlibat dalam langkah pencegahan, pengawalan, pendidikan serta latihan menghadapi bencana berjalan lancar dan berkesan. Seramai 7 siswa dan 2 siswi dihantar pulang dalam operasi pergerakan pulang pelajar ke kediaman masing-masing dan operasi pelajar pulang ke kampus bermula 15 Jun 2020 bagi pelajar kuliah 3b (AD112 dan AD113) serta pelajar B40 berkeperluan khas. Sebanyak empat (4) latihan yang dihadiri oleh ahli JBON sepanjang tahun 2020 untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran dan sentiasa bersiapsiaga dalam menghadapi bencana.

SENARAI BUKTI :

1. [1.4.2 bukti 1- Laporan aktiviti JOBN.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memantapkan proses penambahbaikan di UiTMCK, kepimpinan kanan telah mengamalkan konsep komunikasi dua hala melalui beberapa mesyuarat yang melibatkan semua pengurusan kanan UiTMCK secara berkala. Antaranya ialah Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif (JKE) yang bertujuan membuat dan mengubal dasar dan keputusan pengurusan UiTMCK. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) yang bertujuan untuk melihat semula pencapaian UiTMCK. Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD) yang bertujuan untuk membincangkan agenda yang melibatkan unit atau fakulti dengan pihak pengurusan dan Mesyuarat Ketua Pengurusan Operasi (MKPO) yang bertujuan untuk membincangkan perkara-perkara yang memerlukan tindakan segera. Melalui mesyuarat yang dijalankan, kepimpinan kanan dapat mengenalpasti aktiviti-aktiviti penambahbaikan yang sesuai dengan pelaksanaan program berkaitan bidang tumpuan. **(Rujuk Bukti 1)**

Kajian semula dilaksanakan bagi memastikan penambahbaikan untuk mencapai prestasi yang disasarkan dalam bidang tumpuan. Kepimpinan kanan menekankan proses penambahbaikan dan berterusan yang mengandungi tindakan-tindakan strategik yang dirancang dengan teliti supaya program yang dirancang berkualiti, mencapai objektif dan menghasilkan output yang dapat memenuhi kehendak pelanggan UiTMCK.

Prosedur penambahbaikan UiTMCK adalah berdasarkan kepada input dari borang maklum balas pelanggan yang berkaitan dengan program yang dijalankan. Penambahbaikan juga berdasarkan perubahan semasa, polisi UiTM dan keperluan pemegang taruh. Pandemik COVID-19 telah menerapkan keperluan pembudayaan norma baru dalam merealisasikan pelaksanaan program di UiTMCK. Untuk mencapai KPI bidang tumpuan pelbagai alternatif digunapakai di antaranya webinar, facebook live, youtube dan lain-lain medium komunikasi.

SENARAI BUKTI :

1. [1.4.3 bukti 1_MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN - Copy.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi adalah satu proses yang menyatupadukan pelbagai warga UiTMCK dan masyarakat melalui pemuafakatan untuk mencapai bidang tumpuan. Secara umumnya kepimpinan kanan sentiasa menggalakkan pembudayaan dan nilai-nilai murni di kalangan warga kampus. Oleh itu, ini membuka ruang kepada kepimpinan kanan untuk memahami permasalahan kehidupan warga kampus dan masyarakat dalam menghadapi pandemik COVID-19. Kepimpinan kanan mengambil langkah untuk mengadakan pelbagai kolaborasi di antara warga kampus dan masyarakat luar termasuk alumni. Secara tidak langsung jaringan kolaborasi ini dapat merapatkan hubungan antara warga kampus dengan masyarakat luar. Kolaborasi UiTMCK dengan alumni dapat mewujudkan saluran yang mempermudah hubungan di antara alumni dengan pelajar. Pada tahun 2019 sebanyak 70 aktiviti bersama alumni telah dilaksanakan. Pencapaian ini telah melebihi sasaran, di mana kepimpinan kanan menetapkan sasaran sebanyak 13 program bersama alumni (**Rujuk bukti 1**). Seterusnya pada tahun 2020, UiTMCK telah mencapai sasaran untuk program bersama alumni walaupun dalam suasana pandemik COVID-19 (**Rujuk bukti 2**).

Sejak pandemik COVID-19 melanda negara dan seluruh dunia, pembudayaan norma baharu diterapkan di kalangan warga kampus. Kepimpinan kanan amat menitikberatkan agar warga kampus mematuhi SOP yang ditetapkan oleh kerajaan dalam semua aktiviti yang dijalankan. Ini bertujuan untuk membendung penularan wabak COVID-19. Kepimpinan kanan sentiasa memberi peringatan secara konsisten dan berterusan dalam usaha membudayakan amalan norma baharu di UiTMCK. Dalam mencapai sasaran KPI bidang tumpuan, kepimpinan kanan meningkatkan kesedaran tentang pentingnya mengambil langkah berjaga-jaga dalam menangani COVID-19, sekaligus memastikan warga UiTM dapat melindungi diri dan keluarga dalam memerangi pandemik ini.

Kepimpinan kanan membudayakan perkongsian ilmu yang boleh diakses melalui atas talian semasa pandemik COVID-19 termasuk pemerksaan pembelajaran secara atas talian serta capaian tele-mesyuarat dan tele-sidang. Perkongsian ilmu tersebut boleh diakses merentasi universiti dan turut terbuka kepada masyarakat awam. Inisiatif ini menepati peranan UiTMCK sebagai institusi pendidikan dan penyebaran ilmu untuk manfaat semua pihak termasuk komuniti.

SENARAI BUKTI :

1. [1.5 bukti 1- Laporan Aktiviti Target dan Achievement 2019.pdf](#)
2. [1.5 bukti 2- Laporan Aktiviti Target Dan Achievement 2020.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) bagi tahun 2019 masih menggunakan slogan 'Leading in Entrepreneurship and Community Engagement' sebagai tanda memperkasakan pembudayaan jaringan alumni, kemasyarakatan dan kesukarelawan. Ianya adalah selari dengan budaya yang telah diterapkan oleh pihak pengurusan UiTMCK sejak tahun 2016. Manakala perancangan UiTMCK bagi tahun 2020 adalah berdasarkan UiTM2025 oleh UiTM keseluruhannya. Bermula tahun 2020 ditukar kepada '**Championing Datapreneurship, Empowering Community**'. Dengan itu agenda pemerksaan jaringan alumni, komuniti, dan kesukarelawan masih diteruskan.

Pengurusan perancangan dan pemantauan pelan strategik UiTMCK dipertanggungjawabkan kepada Unit Transformasi Universiti (UTU). Perancangan strategik bermula apabila UTU menerima Performance Indicators (PI) dari Bahagian Transformasi Universiti (BTU), UiTM. Di peringkat UTU, senarai PI yang diterima dibahagikan kepada bahagian atau unit terlibat. Bahagian atau unit terlibat dinamakan sebagai Pemilik. Manakala Pelaksana pula terdiri daripada Fakulti. Setelah itu, UTU mengadakan bengkel Pra-Perancangan bagi membincangkan PI yang diterima dengan menggunakan SWOT analisis. Apabila elemen-elemen di dalam SWOT dikenalpasti, agihan sasaran dilakukan kepada pelaksana iaitu terdiri daripada Pelaksana. Seterusnya diakhiri dengan penyediaan dokumen perancangan. UTU menamakan perancangan strategik untuk tahun 2019 dan 2020 sebagai UiTMCK2019 dan UiTMCK2020.

Berdasarkan objektif yang ditetapkan, UiTMCK memulakan perancangan dengan mengadakan beberapa siri mesyuarat dan bengkel. Secara asasnya, aktiviti perancangan yang diadakan dibahagikan kepada tiga fasa utama iaitu; Fasa Penerimaan, Fasa Perancangan, dan Fasa Pemurnian. Maklumat lanjut berkaitan dengan objektif perancangan dan aktiviti perancangan akan diterangkan di dalam bahagian 2.2.

Bermula pada tahun 2019, UiTMCK telah menggunakan Sistem i-Strategik bagi mengurus data-data perancangan dan pencapaian. Data perancangan akan direkodkan ke dalam sistem I-Strategik. Status perancangan akan dikemaskini dari semasa ke semasa apabila pelaksanaan dibuat pada sistem yang sama. i-Strategik boleh diakses oleh Pemilik PI dan Pelaksana PI. Data perancangan dan pencapaian akan disimpan secara atas talian. Data-data tersebut digunakan untuk menjana Dashboard Perancangan dan Dashboard Pencapaian. Kedua-dua dashboard ini memaparkan data terkini perancangan dan pencapaian menggunakan infografik yang menarik. Kaedah pelaksanaan dan penyebaran maklumat oleh UTU dibincangkan di dalam bahagian 2.3. Seterusnya, bagi memastikan segala perancangan dijalankan, UTU mengamalkan proses pemantauan bersistematik. Pemantauan dibuat pada tiga peringkat iaitu pemantauan prestasi oleh Pemilik PI, Pelaksana PI dan peringkat UiTMCK. Fasa-fasa pemantauan akan dijelaskan dengan terperinci di dalam bahagian 2.4.1.

Bagi memastikan objektif UiTMCK tercapai, penilaian risiko dibuat dari semasa ke semasa. UTU mendaftarkan risiko ketidakcapaian PI kepada Unit Risiko UiTMCK. Dengan itu, unit terbabit sentiasa memantau dan meminta maklum balas dari UTU berkaitan dengan status pencapaian PI yang didaftarkan. Perbincangan berkenaan penilaian risiko diperincikan di dalam bahagian 2.4.2. Selain itu juga, UTU komited di dalam mengkaji semula dan membuat tindakan penambahbaikan sekiranya terdapat kekurangan. Laporan pencapaian semasa dibentangkan di dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), di mana hasilnya tindakan segera dapat diambil bagi menyelesaikan masalah yang timbul. Perbincangan ini diperincikan di dalam bahagian 2.4.3.

Akhir sekali, melalui pendekatan yang diamalkan oleh UTU, pencapaian di dalam memperkasakan jaringan alumni, komuniti, dan kesukarelawan dapat dilakukan. Pihak pengurusan mengambil maklum pendekatan yang digunapakai oleh UTU dan memberi

kerjasama sepenuhnya. Pencapaian UiTMCK di dalam agenda ini jelas dapat membuktikan pendekatan yang digunakan berjaya mencapai objektif yang disasarkan.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pada tahun 2019, UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) menggunakan slogan 'Leading in Entrepreneurship and Community Engagement' sebelum bertukar ke slogan baru iaitu '**Championing Datapreneurship, Empowering Community**' sebagai tanda memperkasakan pembudayaan jaringan kemasyarakatan dan sukarelawan. Ianya adalah selari dengan budaya yang telah diterapkan oleh pihak pengurusan UiTMCK sejak tahun 2016. Budaya yang diterapkan ini dapat mendukung visi UiTM dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), dan Pelan Strategik UiTM 2016-2020. UiTMCK berusaha mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan masyarakat berlandaskan nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan. Program-program yang direncanakan dan dilaksanakan di UiTMCK adalah menjurus kepada jaringan kemasyarakatan dan sukarelawan. Ia melibatkan agensi kerajaan, industri, badan-badan bukan kerajaan, badan-badan korporat, alumni dan masyarakat setempat di dalam negara mahupun di luar negara.

Lima (5) teras utama telah dibentuk bagi mencapai sasaran UiTM sebagai Universiti Tersohor iaitu:

- 1) Pengajaran dan Pembelajaran;
- 2) Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan;
- 3) Akademia, Industri dan Masyarakat;
- 4) Kepimpinan;
- 5) Keusahawanan.

Berdasarkan lima (5) teras tersebut, UiTMCK menetapkan beberapa objektif perancangan strategik sebagai panduan dan hala tuju dalam memenuhi keperluan Agenda RMKe-11 dan Teras Strategi Utama RMKe-11 UiTM. **(Rujuk Bukti 1- Jadual 2.2.1). Rajah 2.2.1(Bukti 1)** menunjukkan hubungan antara Objektif Perancangan Strategik UiTMCK, Objektif Perancangan Strategik Teras Akademia, Industri dan Masyarakat UiTM, Agenda Utama RMK 11 UiTM dan Teras Strategi Utama RMK11.

Pada tahun 2020, visi adalah ke arah Menubuhkan UiTM sebagai Universiti Terkenal di Dunia Sains, Teknologi, Kemanusiaan & Keusahawanan. Misi UiTMCK adalah untuk memimpin perkembangan pantas, Profesional bumiputera melalui kurikulum canggih dan penyelidikan yang memberi impak. UiTM telah memberi focus kepada Enam objektif iaitu;

- 1) Kecemerlangan Akademik;
- 2) Terjemahan Penyelidikan;
- 3) Pengembangan Bakat;
- 4) Kelestarian Kampus Pintar;
- 5) Pemerksaan Masyarakat;
- 6) Persaingan Global.

Rajah 2.2.2 (Rujuk Bukti 1) menunjukkan pembentukan objektif UiTMCK adalah selari dengan visi UiTM 2025 untuk menjadi Universiti Terkenal (Globally Renowned University).

Bagi melancarkan proses perancangan, UTU mengamalkan strategi perancangan seperti Rajah 2.2.2. Strategi ini mengandungi tiga proses iaitu pra-perancangan (analisa SWOT), agihan sasaran, dan penyediaan dokumen perancangan. Bagi melancarkan perancangan, kumpulan-kumpulan Pemilik dan Pelaksana diwujudkan seperti di dalam **Rajah 2.2.3 (Rujuk**

Bukti 1). Proses perancangan bermula dengan membuat analisa SWOT yang melibatkan penilaian analisa terhadap staf UiTMCK. Analisa ini dibuat bagi mengenalpasti kekuatan, kelemahan, peluang dan halangan dalam merangka perancangan serta aktiviti UiTMCK. Selain daripada itu, UiTMCK menggunakan analisa SWOT bagi membentuk objektif perancangan strategik yang ke-3 iaitu memperkasakan jaringan alumni, komuniti, dan kemasyarakatan untuk pembangunan masyarakat serta perubahan sosial dan ekonomi. **Rajah 2.2.4 (Rujuk Bukti 1)** menunjukkan hasil analisa SWOT yang dijalankan.

Setelah mengenal pasti individu atau kumpulan yang bersesuaian, bengkel agihan sasaran PI diadakan. Senarai-senarai PI yang terlibat dengan tema dikenalpasti seperti di dalam **Jadual 2.2.2 (Rujuk Bukti 1)**. Sasaran yang diterima oleh UiTMCK diagihkan kepada Pelaksana yang terlibat yang melibatkan semua fakulti-fakulti di UiTMCK. Setelah sasaran telah jelas dan disasarkan kepada kumpulan tertentu, mereka boleh membuat perancangan mengikut sasaran yang telah diterima masing-masing. Akhir sekali, strategi perancangan diteruskan dengan proses penyediaan dokumen perancangan. Satu bengkel telah diadakan bagi membuat permurnian hasil penyediaan perancangan oleh kumpulan-kumpulan yang diamanahkan dengan sasaran PI. Hasil daripada bengkel tersebut adalah satu dokumen perancangan tahunan iaitu UiTMCK2019 dan UiTMCK2020. Untuk perancangan UiTMCK2020, segala perancangan yang dibuat direkodkan ke dalam sistem i-Strategik, manakala bagi UiTMCK2019, rekod disimpan di dalam fail UTU dan Pemilik.

SENARAI BUKTI:

1. [Bukti 1_Lampiran 2.2.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi memastikan keseluruhan organisasi bergerak seiring dalam mencapai objektif dan melaksanakan inisiatif strategik, pelbagai medium sebaran telah digunakan untuk memaklumkan inisiatif yang akan dilaksanakan beserta kejayaan dan keberkesanan program-program yang telah dilaksanakan. Medium digunakan adalah mengikut kesesuaian maklumat yang ingin disampaikan di samping merujuk kepada pihak-pihak berkepentingan yang menerima maklumat-maklumat tersebut. Maklumat-maklumat yang diklasifikasi sebagai sulit akan disebarkan secara tertutup melalui mesyuarat-mesyuarat dalaman bagi mengelakkan risiko ketirisan maklumat kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Manakala maklumat-maklumat yang disebarkan dengan lebih terbuka melalui media cetak dan media massa perlu melalui tapisan Unit Komunikasi Korporat UiTMCK bagi mengelakkan sebaran maklumat yang menyentuh sensitiviti mana-mana pihak.

Selari dengan objektif perancangan strategik UiTMCK, UTU telah memberi fokus kepada elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan. Bermula 2019, maklumat terperinci berkenaan objektif, aktiviti dan status pelaksanaan aktiviti boleh dicapai melalui sistem i-Strategik yang dibangunkan oleh pihak UTU. **Rajah 2.3.1(Rujuk Bukti 1)** menunjukkan seni bina sistem **i-Strategik**. Penggunaan sistem ini bermula dari pengagihan sasaran PI kepada pihak yang berkenaan. Berdasarkan sasaran tersebut Pemilik dan Pelaksana menyediakan perancangan masing-masing. Inisiatif-inisiatif yang dirancang direkodkan ke dalam sistem i-Strategik melalui Borang Perancangan dan Pencapaian (BPP) seperti di dalam **Rajah 2.3.2(Rujuk Bukti 1)**. Paparan Dashboard Perancangan di dalam sistem i-Strategik dapat membantu Pemilik dan Pelaksana dalam menyelaras perancangan yang dibuat. **Rajah 2.3.3 (Rujuk Bukti 1)** menunjukkan **Dashboard Perancangan** bagi menyelaras perancangan inisiatif yang dibuat. Dashboard tersebut akan memapar bilangan inisiatif-inisiatif yang dirancang dan jumlah sasaran yang diperlukan. Perancangan yang ideal adalah bilangan kedua-dua item tersebut adalah sama. Borang BPP dan Dashboard Perancangan di dalam sistem i-Strategik boleh diakses melalui Google Classroom iaitu kumpulan Pemilik, Pelaksana, dan Warga UiTMCK. Dengan itu, data-data perancangan dapat diakses oleh kesemua warga kampus mengikut kekangan jenis peranan.

Inovasi ini telah berjaya mengatasi masalah kesukaran dan ketidakseragaman dalam pengumpulan maklumat aktiviti/program/projek yang dijalankan di seluruh kampus UiTMCK. Inovasi ini membantu UTU untuk memantau semua aktiviti/program/projek agar bertepatan dengan teras yang telah ditetapkan. Selain itu, inovasi tersebut juga telah meningkatkan kesedaran terhadap pengenalanpastian jenis aktiviti/program/projek yang memberi impak pada pencapaian PI oleh semua pihak. Penggunaan i-strategik dan UTU classroom Sistem Maklumat Bersepadu ini telah diwar-warkan melalui pelbagai medium seperti mesyuarat bahagian dan fakulti, emel dan juga aplikasi Whatsapp. Inovasi ini memudahkan proses penyebaran maklumat, menjimatkan masa dan tenaga dalam pengumpulan data, sebagai medium perantaraan di antara Pemilik, Pelaksana dan pihak pengurusan. i-strategik juga memberi informasi dan statistik yang jelas dan mudah difahami.

UiTM telah menetapkan petunjuk prestasi dan diselaraskan di UiTMCK. Dalam memastikan gerak kerja yang sistematik, UTU mengenalpasti pemilik sasaran prestasi untuk merancang strategi dan aktiviti bagi mencapai objektif UiTMCK. Pemilik-pemilik petunjuk prestasi bertanggungjawab untuk melaksanakan inisiatif yang dirancang. Fakulti dan bahagian menjadi tonggak pelaksana utama terhadap aktiviti yang dirancang. UTU memberikan penjelasan secara langsung berkaitan dengan objektif yang ingin dicapai serta strategi-strategi yang perlu diatur bagi memastikan kejayaan organisasi mencapai objektif yang ditetapkan melalui bengkel-bengkel di bawah seliaan UTU. Bengkel perbincangan strategi dan aktiviti juga dilakukan antara pemilik dan pelaksana untuk memastikan objektif UiTMCK dapat dicapai secara sistematik.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_Lampiran 2.3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UTU mengimplementasikan **strategi pemantauan prestasi** seperti di dalam **Rajah 2.4.1.1 (Rujuk Bukti 1)**, UTU mengamalkan pemantauan secara bersistematik iaitu mengandungi tiga peringkat iaitu pemantauan prestasi oleh Pelaksana, Pemilik dan peringkat UiTMCK. Pemantauan bermula dengan Pemilik mendapat maklumbalas daripada Pelaksana. Pelaksana perlu melaporkan pencapaian semasa untuk semakan Pemilik. Setelah itu, Pemilik akan mengesahkan pencapaian tersebut. Seterusnya, Pemilik akan memajukan laporan yang telah disahkan kepada UTU. UTU akan melaporkan status pencapaian kepada PTJ dan BTU melalui:

1. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE)
2. Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)
3. Melaporkan pencapaian terkini ke dalam UePMO BTU

Bermula tahun 2019, **pemantauan kemajuan inisiatif** yang dirancang dilakukan secara atas talian dengan menggunakan sistem i-Strategik. **Rajah 2.4.1.2 (Rujuk Bukti 1)** menunjukkan proses pemantauan dan pelaporan prestasi. Proses pelaporan prestasi bermula dengan setiap pelaksana perlu mengemaskini maklumat semasa mengenai kemajuan projek mereka di dalam sistem i-Strategik melalui borang seperti di dalam **Rajah 2.4.1.3 (Rujuk Bukti 1)**. Pemilik perlu memantau dan mengesahkan setiap projek yang telah siap dijalankan oleh pelaksana. Proses pengesahan pencapaian oleh Pemilik juga perlu dilakukan pada borang yang sama iaitu di ruangan pengesahan oleh Pemilik. UTU memainkan peranan menjadi medium perantara di antara Pemilik dan Pelaksana. Sekiranya, kemajuan tidak dikemaskini, UTU akan memaklumkan kepada Pemilik dan Pelaksana yang terlibat. Sistem i-Strategik sangat membantu di dalam proses pemantauan di mana ia dapat memaparkan status terkini pencapaian melalui Dashboard Pencapaian seperti:

1. Pencapaian keseluruhan UiTMCK di dalam peratusan
2. Graf pencapaian mengikut PI
3. Graf pencapaian mengikut Pemilik
4. Graf pencapaian mengikut Pelaksana.

Oleh yang demikian, data-data pencapaian dapat diakses dengan mudah melalui sistem i-Strategik. Paparan pencapaian pada sistem i-Strategik digunapakai di dalam pelaporan pencapaian di dalam mesyuarat-mesyuarat penting seperti di atas. **Rajah 2.4.1.4 (Rujuk Bukti 1)** menunjukkan paparan Dashboard Pencapaian pada sistem i-Strategik. Dashboard Pencapaian juga boleh diakses oleh semua warga UiTMCK melalui Google Classroom kumpulan Warga UiTMCK. UTU melaporkan pencapaian setiap bulan kepada PTJ di dalam mesyuarat JKEN. Manakala melaporkan sekurang-kurangnya tiga kali setahun di dalam mesyuarat MKSP. UTU juga mendaftar risiko di bawah Unit Risiko UiTMCK. Seterusnya, UTU juga melaporkan pencapaian setiap bulan kepada BTU melalui sistem UePMO.

SENARAI BUKTI:

1. [Bukti 1_Lampiran 2.4.1.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi menangani risiko ketidakcapaian, UTU telah mendaftarkan risiko di Unit Pengurusan Risiko (UPR), UiTMCK. Antara tujuan utama adalah untuk memastikan risiko dapat dikawal dengan baik dan diselia oleh UPR. UPR akan memantau perkembangan dari semasa ke semasa. UTU juga menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR) yang dianjurkan oleh Unit Pengurusan Risiko, UiTMCK. **Jadual 2.4.2.1(Rujuk Bukti 1)** menunjukkan aktiviti melibatkan pengurusan risiko. **Jadual 2.4.2.2 (Rujuk Bukti 1)** menunjukkan maklumat pendaftaran risiko melalui sistem eRMS, UPR, UiTMCK.

Selain itu juga, sesi-sesi intervensi telah diadakan utk mendapat maklum balas status pencapaian PI yg belum tercapai. **Jadual 2.4.2.3(Rujuk Bukti 1)** menunjukkan dokumen intervensi yang dijalankan. Penilaian laporan hasil semakan suatu aktiviti/program/projek ditentukan berdasarkan status terkini pelaksanaan aktiviti/program/projek tersebut. Hasil maklumbalas dan keputusan yang telah dibuat dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) diambil maklum oleh UTU untuk tindakan selanjutnya. Seterusnya, mesyuarat bersama Ketua Pemilik petunjuk prestasi telah diadakan untuk menetapkan strategi berdasarkan teras.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_Lampiran 2.4.2.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Selari dengan objektif perancangan strategik UiTMCK yang ke-3, UTU telah mengalami proses transisi yang drastik dalam mengurus data berkaitan perancangan strategik university. UTU telah mewujudkan sistem baru iaitu “**i-strategik**” sebagai transformasi pengurusan maklumat antara entiti yang berkaitan. Langkah ini adalah sebagai memberi fokus kepada elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan. Sistem ini telah memasuki pertandingan inovasi KILEX dan telah memenangi anugerah emas. **Rajah 2.4.3.1(Rujuk Bukti 1)** menunjukkan sijil anugerah emas. Tambahan lagi, sistem i-strategik ini mendapat penghargaan daripada hasil laporan audit INQKA 2020. Mengikut laporan audit tersebut bahawa sistem ini banyak memudahkan perkongsian maklumat berkaitan yang telah memberi kesan yang efisien dan efektif kepada pengurusan perancangan strategik UiTMCK.

Berdasarkan **Rajah 2.4.3.2 (Rujuk Bukti 1)** i-strategik telah berjaya mengatasi masalah kesukaran dan ketidakseragaman dalam pengumpulan maklumat aktiviti/program/projek yang dijalankan di seluruh kampus. Inovasi ini juga telah membantu UTU untuk memantau semua aktiviti/program/projek agar bertepatan dengan teras yang telah ditetapkan. Selain itu, inovasi tersebut juga telah meningkatkan kesedaran terhadap pengenalanpastian jenis aktiviti/program/projek yang memberi impak pada pencapaian PI oleh semua pihak. Penggunaan i-strategik ini telah diwar-warkan melalui pelbagai medium seperti google classroom, bengkel-bengkel, mesyuarat bahagian dan fakulti, emel, dan juga aplikasi Whatsapp. Di UiTMCK, penggunaan i-strategik kini telah digunakan secara holistik oleh pelaksana program. Hal ini boleh meminimalkan masalah pengumpulan data seterusnya menjadikan proses pelaporan program lebih efisien.

Bagi memantapkan perancangan strategik UiTMCK, Unit Perancangan Strategik (UTU) telah mengadakan beberapa siri Bengkel Perancangan Strategik 2019-2020.

Sasaran petunjuk prestasi UiTMCK dibuat berdasarkan petunjuk prestasi UiTM yang menyokong Hala Tuju Strategik RMKe-11. **Jadual 2.4.3.1(Rujuk Bukti 1)** menunjukkan antara sasaran petunjuk prestasi UiTMCK bagi tahun 2019 dan tahun 2020. Berdasarkan Jadual 2.3, pencapaian tahun 2019 telah melebihi sasaran petunjuk prestasi yang ditetapkan sebanyak 90%. Manakala sasaran petunjuk prestasi bagi tahun 2020 ialah 90.9% bagi petunjuk prestasi bilangan penganjuran program berteraskan universiti Jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan. Peratusan ini menunjukkan UiTMCK telah berjaya dengan cemerlang mencapai objektif perancangan strategik dalam penglibatan aktiviti Jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_Lampiran 2.4.3.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bermula pada tahun 2019, UTU telah ditambahbaik dengan memperkenalkan inovasi baru yang mengguna pakai aplikasi **i-strategik (Rujuk Bukti 1)** yang berkonsepkan capaian maklumat bersepadu. Kaedah ini memudahkan lagi semua pihak untuk mengakses dan menghantar semula borang yang telah lengkap diisi oleh pelaksana. Taklimat mengenai aplikasi i-strategik ini telah disebarluaskan kepada pemilik dan pelaksana pada awal tahun 2019 dan 2020.

Pada peringkat perancangan, semua pengurusan kanan akan terlibat bermula dari bengkel pra-perancangan, bengkel agihan, dan bengkel penyediaan dokumen perancangan seperti dibincangkan di dalam bahagian 2.2. Pihak pengurusan memainkan peranan yang penting bagi memastikan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh UTU mendapat kerjasama semua pihak dan melancarkan semua urusan. Objektif acara yang dianjurkan oleh UTU mencapai matlamat dan mendapat kerjasama semua pihak. Akhirnya satu dokumen perancangan dapat dihasilkan sebagai panduan kepada semua warga kampus termasuk pihak pengurusan, pensyarah, dan staf sokongan. Dokumen perancangan direkodkan ke dalam sistem i-Strategik.

Manakala pada peringkat pelaksanaan, pihak pengurusan juga memainkan peranan yang penting bagi memastikan setiap perancangan yang dibuat dilaksanakan. UTU membuat pemantau setiap bulan. Pemilik dan Pelaksana akan memberi kerjasama melaporkan pencapaian setiap bulan kepada UTU dengan mengemaskini pencapaian ke dalam sistem i-Strategik. Pihak pengurusan kanan dapat memantau status pencapaian melalui sistem i-Strategik. Sistem ini boleh memaparkan pencapaian terkini semasa berdasarkan input yang direkodkan oleh Pemilik dan Pelaksana. Strategi pemantauan telah dibincangkan di dalam bahagian 2.4.1.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_Lampiran 2.5.pdf](#)
- 2.

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berkualiti, UiTMCK sentiasa berusaha memberi keutamaan kepada mutu perkhidmatan yang cemerlang. Pelbagai inisiatif, usaha dan aktiviti yang bermanfaat serta berimpak tinggi terhadap para pelanggan yang terdiri daripada bakal pelajar, pelajar, masyarakat, ibu bapa, pihak industri, pembekal dan organisasi atau agensi telah dijalankan. Bersesuaian dengan bidang tumpuan AKNC 2021 yang telah ditetapkan iaitu '**Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan**', beberapa perancangan, pelaksanaan dan tindakan pemantauan serta penambahbaikan berkaitan akan diperincikan.

Selain pelajar yang merupakan pelanggan utama, komuniti rakyat negeri Kelantan sentiasa menjadi keutamaan bagi UiTMCK selaku universiti awam tertua di negeri ini. **Perancangan** serta hala tuju pihak pengurusan UiTMCK sentiasa mengutamakan komuniti seperti dapat dilihat dalam slogan 'Leading in Entrepreneurship and Community Engagement' (sehingga tahun 2019) yang kemudiannya diperincikan menjadi '**Championing Datapreneurship, Empowering Community**' pada tahun 2020. Dengan juga bersandarkan Pelan Strategik UiTM2025, UiTMCK mengorak langkah merancang pelbagai inisiatif bagi memberi nilai tambah kepada pelanggannya.

Unit Transformasi Universiti (UTU) adalah unit utama bagi segala **perancangan** melibatkan UiTMCK. Melalui UTU, pelan strategik akan dirangka dan disebarluaskan kepada seluruh warga UiTMCK. Setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah UiTMCK mempunyai petunjuk prestasi tersendiri yang perlu dicapai. Selain itu, pelbagai bengkel perancangan strategik, mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri, Panel Pembangunan Sumber Manusia, Kajian Semula Pengurusan juga merupakan wadah perancangan bagi segala aktiviti UiTMCK. Kerjasama juga dijalinan bersama pelbagai organisasi luar UiTMCK (Contoh: Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa) Negeri Kelantan, pihak industri) dan segala perancangan dibicangkan bersama bagi mewujudkan situasi menang-menang kesemua pihak.

Perancangan tanpa pelaksanaan adalah sia-sia. Setiap PTJ memainkan peranan untuk melaksanakan segala aktiviti yang telah dirancang mengikut bidang keutamaan masing-masing. Pemantauan yang berterusan dalam bentuk pencapaian petunjuk prestasi terutamanya memastikan aktiviti dilaksanakan. Antara **pelaksanaan** aktiviti utama yang memberikan impak kepada pelanggan UiTMCK adalah seperti **Projek Inovasi: U-KeKWa Synergy, Program Kembara Asnaf dan Program Pengantarabangsaan, Pembangunan Ilmu, Keusahawanan dan Khidmat Masyarakat di Istanbul, Turki**. Kesemua aktiviti ini telah dapat menyumbang kepada pencapaian petunjuk prestasi PTJ berkaitan. UiTMCK juga tidak ketinggalan menyumbang bakti kepada negara dalam mendepani pandemik COVID-19 dengan projek **penghasilan alat pelindung diri (PPE) dan 'face-shield'** bagi kegunaan petugas barisan hadapan.

Pemantauan dan penambahbaikan berterusan juga merupakan aspek penting dalam pengurusan pelanggan UiTMCK. Pada tahun 2020, pandemik COVID-19 telah melanda negara dan segala urusan terpaksa dijalankan mengikut norma baharu. Keadaan ini memberikan cabaran terutamanya dari aspek pemantauan dan penambahbaikan namun tidak menghalang kualiti perkhidmatan yang terbaik. Sistem pemantauan sedia ada seperti Sistem Pengurusan Risiko (eRMS), Sistem Pengurusan Maklumbalas Pelanggan (SPAM) dan Sistem Pengurusan Fasiliti (FMS) terus digunapakai dan terdapat saluran pengumpulan maklumat yang baru diperkenalkan seperti Borang Pemantauan ODL.

Hasil dapatan pengumpulan maklumat digunakan untuk tujuan **penambahbaikan** melalui mesyuarat MKSP dan juga secara terus kepada PTJ berkaitan. Penghasilan inovasi dan pembangunan projek berkaitan oleh warga UiTMCK (**contoh: Sistem i-Strategik dan U-KeKWa Synergy**) adalah manifestasi tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCK sentiasa menunjukkan komitmen terhadap kepuasan para pelanggan selaras dengan Perancangan Strategik 2016-2020 serta Amanat Tahunan Naib Canselor UiTM 2019 dan 2020. Setiap aspek dalam bidang tumpuan yang melibatkan para pelanggan amat dititik berat dan diteliti sepenuhnya selari dengan tema strategik – Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni yang dikukuhkan oleh tiga nilai – Kecemerlangan, Sinergi dan Integriti **(Rujuk Bukti 1)**. Tumpuan terhadap pelanggan melibatkan proses perancangan, pelaksanaan, pemantauan, pengurusan risiko, kajian semula, tindakan penambahbaikan dan amalan serta pembudayaan ke arah perkhidmatan yang berkualiti yang seterusnya memberikan impak secara langsung terhadap para pelanggan.

Slogan UiTMCK hasil cetusan idea kepimpinan kanan kampus – “Leading in Entrepreneurship and Community Engagement” dan “**Championing Datapreneurship, Empowering Community**” – dijadikan asas dalam perancangan dan pelaksanaan bidang tumpuan, Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Penganjuran aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawan melibatkan dua kumpulan utama iaitu:

1. Pelanggan Dalaman merupakan pelajar semasa, staf akademik dan staf bukan akademik UiTMCK.
2. Pelanggan Luaran terdiri daripada bakal pelajar, alumni, pihak industri, pembekal dan agensi luar.

Pelbagai pendekatan diguna pakai oleh UiTMCK dalam pengenalan kumpulan sasaran. Pendekatan utama ialah melalui Visi dan Misi UiTM. Sebagai contoh, **Program Kembara Asnaf Pengurusan UiTM bersama Masyarakat Orang Asli Masjid Mukim Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan** dilaksanakan secara kolaborasi antara UiTMCK dan Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM Shah Alam, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) serta penduduk orang asli Kuala Betis. Inisiatif ini memantapkan pembangunan insan dalam komuniti sasaran serta menghubungkan mereka dengan alam realiti masyarakat **(Rujuk Bukti 2)**.

Kolaborasi antara UiTMCK dan Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (**U-KeKWa**) dalam projek inovasi, U-KeKWa Synergy, menunjukkan keprihatinan UiTMCK terhadap peningkatan taraf hidup komuniti setempat. Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) yang dinaik taraf dengan penganjuran bengkel jahitan, masakan dan kraftangan membuah hasil apabila pendapatan peserta telah bertambah melebihi piawaian PGK 2016 **(Rujuk Bukti 3)**.

Selain itu, pelajar UiTMCK diberi peluang untuk terlibat dalam program kemasyarakatan melalui kelab dan persatuan. Satu program khidmat masyarakat, Program Pengantarabangsaan, Pembangunan Ilmu, Keusahawanan dan Khidmat Masyarakat berjaya dilaksanakan di Istanbul, Turki pada 6 hingga 15 Februari 2020 melibatkan Persatuan Members of Bachelor in Accountancy (MemBACCs), Persatuan MUTAC, Majlis Perwakilan Pelajar dan Fakulti Perakaunan UiTMCK. Salah satu pengisian program khidmat masyarakat ialah aktiviti bersama pelarian Syria di Al-Nokhba School dan penyampaian sumbangan kepada kumpulan ini. Penganjuran aktiviti peringkat global ini membuktikan komitmen UiTMCK dalam memberikan perkhidmatan tanpa mengira batas sempadan **(Rujuk Bukti 4)**.

Pendekatan yang seterusnya ialah melalui penglibatan alumni dalam **Program Alumni Smart Sharing** – "Peluang Kerjaya Selepas Covid-19" dan "Prospek dan Cabaran Masa Depan di Bidang Perakaunan" – dapat mengeratkan hubungan antara bekas pelajar dan institusi pengajian serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran insaniah di samping mengukuhkan pembangunan diri **(Rujuk Bukti 5)**.

Pendekatan UiTMCK dalam pengenalan kumpulan sasaran ini menunjukkan hubungan simbiosis sebuah institusi dengan para pelanggan demi kebaikan bersama .

SENARAI BUKTI:

1. [3.2 Bukti 1_Amanat Naib Canselor 2020.pdf](#)
2. [3.2 Bukti 2_Laporan Gua Musang.pdf](#)
3. [3.2 Bukti 3_U-KEKWA Synergy.pdf](#)
4. [3.2 Bukti 4_Program Pengantarabangsaan di Turki.pdf](#)
5. [3.2 Bukti 5_Data Alumni 2019 - 2020.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan UiTMCK menguruskan data dan maklumat yang diperolehi berkaitan pelanggan dengan teliti dan tersusun. Proses yang melibatkan pengumpulan dan penyimpanan data pelanggan adalah signifikan bagi memastikan pelaksanaan program atau aktiviti kemasyarakatan dan sukarelawan dapat dipantau dan ditambah baik pada masa hadapan.

Sumber aduan maklum balas diperolehi melalui pengumpulan Borang Aduan Maklum Balas yang telah disediakan di Peti Aduan Maklum Balas Pelanggan dan secara atas talian, e-aduan SPAM melalui penggunaan Sistem Pengaduan Maklum Balas Pelanggan di laman sesawang UiTMCK. Aduan melalui google form yang merupakan inisiatif Unit Kualiti Pengendalian Aduan dan Maklum Balas Pelanggan boleh didapati di <http://www.kelantan.uitm.edu.my/spam/>.

Selain itu, Pusat Islam UiTMCK memainkan peranan dalam pengumpulan Borang Permohonan Zakat daripada pelajar. Data ini akan dikumpul, disemak dan disimpan oleh Unit Hal Ehwal Islam UiTMCK sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat Bulanan UiTMCK. Maklumat penerima zakat ini diperlukan untuk program bantuan makanan dan sumbangan berbentuk dana kewangan.

Hubungan UiTMCK dan MAIK diperluaskan dengan penganjuran projek perundingan iaitu Kursus Pengurusan Kewangan Masjid. Maklumat berkenaan pelanggan ini dikumpul hasil daripada perjumpaan dan perbincangan dengan pihak MAIK, imam dan bendahari masjid di jajahan Machang. Laporan maklum balas program yang meliputi aspek teknik penyampaian penceramah, pengisian slot ceramah, nota dan modul serta cadangan yang diberikan oleh kumpulan sasaran disimpan untuk rujukan oleh penganjur program.

Walau bagaimanapun, inisiatif penentuan keperluan dan kehendak kumpulan sasaran perlu diambil kira sebelum sesebuah program atau aktiviti dijalankan. Maklumat ini dikenalpasti melalui beberapa mekanisme penentuan iaitu:

1. "Training Needs Analysis" (TNA) - Pelanggan UiTMCK diberikan soalan kajian soal selidik supaya analisa keperluan dan kehendak mereka dapat dinilai sebelum sesi sumbang saran pengisian program dilaksanakan oleh pelaksana yang terlibat.
2. Borang Maklum Balas - Borang diedarkan pada awal dan akhir program bagi mendapatkan maklum balas sama ada penganjuran program adalah menepati keperluan mereka atau tidak yang seterusnya membantu pihak pelaksana membuat penambahbaikan dan keputusan yang sewajarnya terhadap penganjuran program untuk tahun seterusnya.
3. "Entrance & Exit Survey" - Maklum balas yang diperolehi bagi kursus yang diambil oleh pelajar UiTMCK akan dianalisa dan dibandingkan. Hasil kajian akan membantu dalam penyempurnaan kurikulum kursus yang dapat memenuhi keperluan pelajar.

Penglibatan kumpulan sasaran dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarelawan merupakan hasil pemasaran, pembinaan serta pengurusan penganjuran sesebuah aktiviti. Projek konsultasi kepakaran antara UiTMCK dengan beberapa agensi dan industri contohnya MAIK, Pusat Khidmat Kontraktor Negeri Kelantan, Jabatan Kemajuan Masyarakat KEMAS dan Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana membuktikan peranan universiti kepada masyarakat (**Rujuk Bukti 1**).

Jaringan kerjasama antara UiTMCK dan Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia dalam projek penghasilan PPE, pelindung muka 3D shield visor dan cecair pembasmi kuman untuk petugas barisan hadapan dapat meningkatkan kesejahteraan komuniti secara amnya dan pelanggan UiTMCK khususnya (**Rujuk Bukti 2**).

Penganjuran program oleh fakulti di UiTMCK secara konsisten dan penerimaan yang menggalakkan daripada pelanggan menyemarakkan lagi usaha ke arah keterlibatan pelanggan

secara menyeluruh (**Rujuk Bukti 2**).

SENARAI BUKTI :

1. [3.3 Bukti 1_Geran, Penerbitan, Consultation, SIG 2019-2020.pdf](#)
2. [3.3 Bukti 2_Data Komuniti dan Kesukarelawan 2019 - 2020.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bertunjangkan kepada slogan “Leading in Entrepreneurship and Community Engagement” dan “**Championing Datapreneurship, Empowering Community**”, semua program yang dianjurkan oleh pihak kampus dilihat menepati sasaran dalam memperoleh manfaat pada tahap optimum.

Rentetan daripada Permohonan Zakat yang dibuat, **Program Bingkisan Sesuci Ramadhan** berjaya dijalankan di mana program serampang dua mata ini bukan sahaja menyalurkan sumbangan kepada penerima-penerima zakat UiTMCK, malah turut melibatkan pekerja-pekerja kontrak yang terkesan dengan pandemik Covid-19 dan penghuni Rumah Ronald McDonald, Hospital USM, Kubang Kerian, Kelantan. **Penganjuran Program AC Care** yang memfokuskan kepada pelajar, keluarga pelajar serta ahli masyarakat yang berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan pula telah dijalankan sebanyak empat kali di seluruh Malaysia. **(Rujuk Bukti 1)**

Bagi menunjukkan sokongan dan tanda penghargaan kepada barisan hadapan, UiTM Cawangan Kelantan juga menjalankan kerjasama dengan Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA) dalam projek **Penghasilan 500 set Alat Pelindung diri (PPE), 10,000 unit Pelindung Muka 3D Shield Visor dan juga Cecair Pembasmi Kuman (Hand Sanitizer)** yang ringkas, efektif, ringan dengan kos yang lebih rendah. **(Rujuk Bukti 1)**

Kerjasama dengan rakan kolaborasi universiti, UKEKWA Synergy, UiTMCK juga rancang menganjurkan **program untuk komuniti di Jajahan Bachok** bagi menyantuni seramai kira-kira 200 keluarga golongan asnaf yang terkesan dengan pelaksanaan PKP, selain komuniti Pondok Tok Kenali, Kubang Kerian. Selain itu, UiTMCK juga berjaya mengagihkan set barang dapur kepada masyarakat setempat, projek infaq terutama untuk bulan Ramadhan dan Syawal kepada pelajar tahfiz dan anak yatim. **(Rujuk Bukti 1)**

Hasil **Program Pengurusan Kewangan Masjid** dengan kerjasama dengan MAIK juga telah mendatangkan banyak manfaat penambahbaikan kepada masjid-masjid seluruh negeri Kelantan. **(Rujuk Bukti 2)**

Jawatankuasa Operasi dan Bencana Negeri (JOBN) pula menggerakkan **Task Force Banjir** sebagai Operasi Siapsiaga Bencana bagi menghadapi banjir di sekitar Kawasan rumah sewa pelajar Non-Resident (NR). Kursus Pengurusan Bencana dan Kursus Bantuan Menyelamat turut dianjurkan. **(Rujuk Bukti 3)**

Secara keseluruhannya, program-program yang dijalankan berjaya mencapai kesemua objektif selari dengan Misi, Visi & slogan kampus.

SENARAI BUKTI:

1. [3.4.1 Bukti 1_DATA KOMUNITI DAN SUKARELAWAN 2019 - 2020.pdf](#)
2. [3.4.1 Bukti 2 Sinopsis Kursus Pengurusan Masjid.pdf](#)
3. [3.4.1 Bukti 3_AKTIVITI JOBAN TAHUN 2020.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Penganjuran program-program bersifat jaring dan alumni, komuniti dan kesukarelawanan sememangnya berhadapan dengan pelbagai risiko.

Di antara risiko yang dikenal pasti adalah:

1. Pertindihan di mana peserta atau penerima sasaran merupakan kumpulan yang sama dipilih oleh agensi-agensi lain.
2. Penipuan maklumat peribadi terutama berkenaan jumlah pendapatan serta jumlah tanggungan dan sebagainya.
3. Kebocoran maklumat peribadi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab.

Oleh itu, beberapa langkah efektif telah diambil bagi memastikan agar semua risiko yang dikenal pasti dapat ditangani. Langkah-langkah tersebut adalah seperti:

1. Membuat kaji selidik maklumat berkaitan sumbangan-sumbangan yang akan atau telah disalurkan oleh mana-mana agensi terutama di kawasan yang dikenal pasti terlibat dengan program-program yang dirancang. Maklumat kemudian dibandingkan untuk memastikan tiada pertindihan peserta atau penerima sumbangan berlaku.
2. Maklumat berkaitan peserta atau penerima hanya diambil daripada pihak-pihak yang sah sahaja.
3. Maklumat yang diterima dipastikan tidak dikongsi dengan pihak-pihak lain bagi mengelakkan kejadian tidak diingini seperti kecurian identiti bagi mengutip dana dan sumbangan.

Dengan pelaksanaan kaedah-kaedah yang telah diterangkan, didapati bahawa risiko-risiko yang terdapat dalam pengajuran program berjaya dikurangkan atau disingkirkan terus. Semua kaedah ini diaplikasi bagi memastikan kelangsungan serta kejayaan penganjuran dan memastikan agar objektif yang dirangka dicapai 100%.

SENARAI BUKTI :

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan Kanan UiTMCK sentiasa memastikan agar semua risiko dan langkah penambahbaikan diambil bagi mengurangkan kebarangkalian kegagalan program yang dirancang. Justeru, terdapat langkah-langkah yang telah dirangka bagi tujuan tersebut. Antaranya:

1. Daftar Risiko - Langkah ini adalah untuk mengumpul maklumat risiko dalam bentuk dokumen. **(Rujuk Bukti 1)**
2. Bengkel/ Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko UiTMCK – membuat pengkelasan kategori risiko samada *extreme*, *high* atau *low*.
3. Pemantauan Status Daftar Risiko - Langkah ini bertujuan memantau status risiko-risiko yang didaftarkan bagi memastikan tindakan telah dirancang atau diambil.
4. Laporan Analisa Daftar Risiko - Laporan berdasarkan maklumbalas tindakan dikeluarkan sebagai dokumen yang sah.
5. Mesyuarat Kemaskini dan Analisa Daftar Risiko - Pelaporan bagi setiap risiko terutama yang tidak dapat ditangani juga akan dibuat bagi mengenal pasti kaedah pengurusan yang lebih berkesan dalam mesyuarat seperti Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Operasi Bencana (JPOB) . **(Rujuk Bukti 2,Bukti 3,Bukti 4)**.

SENARAI BUKTI :

1. [3.4.3 Bukti 1_Sistem Pengurusan Risiko \(e-RMS\).pdf](#)
2. [3.4.3 Bukti 2_Minit Mesyuarat JPOB Bil.01-2019.pdf](#)
3. [3.4.3 Bukti 3_Minit Mesyuarat Khas COVID-19 BIL.01_1104.pdf](#)
4. [3.4.3 Bukti 4_AKTIVITI JOBN TAHUN 2020.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Berpaksikan dua nilai utama UiTM iaitu Excellence, Sinergy, Integrity (ESI) dan Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin dan Tanggungjawab (iDART), pembudayaan perkhidmatan cemerlang bagi pelanggan UiTMCK diteruskan melalui pelbagai inisiatif dan aktiviti.

Bukan sekadar memenuhi piagam pelanggan yang ditetapkan, UiTMCK berusaha memberi nilai tambah kepada pelanggan melalui hasil kreatif dan berinovasi berasaskan budaya penambahbaikan. Ini dapat dilihat sebagai contoh dari dua hasil inovasi yang memenangi pelbagai anugerah iaitu **i-Strategik** dan **U-KeKWA Synergy**.

Bagi memastikan pelaksanaan dan pemantauan aktiviti strategik berjalan lancar, aplikasi i-Strategik yang berkonsepkan capaian maklumat bersepadu telah dibangunkan dan berjaya memenangi Anugerah Emas dalam pertandingan inovasi (**Rujuk Bukti 1**). Ini menjadikan perancangan strategik UiTMCK lebih senang dirujuk dan diuruskan oleh seluruh warga UiTMCK. Dalam pada itu, bertitik tolak dari budaya kerja cemerlang UiTMCK, satu kerjasama dijalinan dengan Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWA) negeri Kelantan bagi menambahbaik pengurusan Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) yang bertanggungjawab membantu golongan wanita di negeri ini. Kerjasama ini membuahkan hasil positif berdasarkan pengiktirafan yang diberikan (Contoh: Penarafan Emas 5 Bintang di Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition 2020, Anugerah Emas di Regional Innovation Showcase on Team Excellence RISTex 2020) (**Rujuk Bukti 2**). Ini membuktikan UiTMCK mampu bukan sahaja membudayakan kecemerlangan di peringkat PTJ bahkan di luar PTJ dan diiktiraf di peringkat negara.

Seiring slogan 'Championing Datapreneurship, Empowering Community', UiTMCK telah lama menyumbang dalam memperkasakan masyarakat. Program Khidmat Masyarakat (OPKIM), bantuan makanan kepada pelajar (Eat, Pray, Love dan Food Bank) serta Infaq Ramadan adalah antara contoh program komuniti berterusan yang dijalankan oleh UiTMCK. Selain itu, UiTMCK juga telah menjalin kerjasama dengan Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) untuk mengadakan satu Kursus Pengurusan Kewangan Masjid bagi seluruh negeri Kelantan (**Rujuk Bukti 3**). Hasil keberkesanan kursus ini dalam meningkatkan ilmu kepada para pentadbir masjid di negeri ini pada tahun 2018 mendorong pihak MAIK untuk menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) bersama UiTMCK. Kursus ini akan diadakan di seluruh jajahan Negeri Kelantan bagi memastikan pengurusan kewangan masjid di negeri ini dapat dimantapkan lagi. Kepakaran UiTMCK terbukti menyumbang kepada pemeraksanaan komuniti.

SENARAI BUKTI :

1. [3.5 Bukti 1_iStrategik.pdf](#)
2. [3.5 Bukti 2_UKeKWa Synergy.pdf](#)
3. [3.5 Bukti 3_KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN MASJID MAIK.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) memandang serius aspek pengumpulan dan penterjemahan maklumat-maklumat program yang telah dijalankan, mahupun maklumat yang berkaitan dengan penyampaian perkhidmatan di peringkat kampus. ***Championing Datapreneurship, Empowering Community*** adalah merupakan slogan bagi kampus Kelantan yang bertepatan dengan bidang tumpuan yang dipilih. Pembudayaan kerja ini dalam kalangan warga di UiTMCK membantu mereka melaksanakan kerja dengan penuh cecap dan berakauntabiliti dalam memastikan pelanggan dalaman mahupun dari luar kampus menerima maklumat yang seharusnya diterima pada masa yang tepat dan dalam format yang betul, selain mutu perkhidmatan ditambah baik dari masa ke masa. Inisiatif ini dititikberatkan oleh Pihak Pengurusan Tertinggi UiTMCK dalam memastikan pusat-pusat yang dipertanggungjawabkan merekod, menganalisis, menterjemah dan mencari punca setiap permasalahan yang timbul bagi meningkatkan mutu penyampaian kepada pelanggan, melalui data-data yang telah diperolehi dari pelbagai sumber. Pencapaian pelaksanaan strategik organisasi perlu diukur dari semasa ke semasa bagi menjamin keberkesanan dan kecemerlangan organisasi tersebut. Di UiTMCK, data berkaitan akan dikumpul secara berkala bertujuan untuk penilaian dan analisis. Seterusnya, hasil dari penilaian dan analisis tersebut akan digunakan untuk menambahbaik pelaksanaan polisi serta memperkasakan kolaborasi akademik dan penyelidikan, di samping meningkatkan pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat setempat. UiTMCK sebagai sebuah organisasi yang dinamik mempunyai pendekatan tersendiri bagi mengukur pencapaian prestasinya. Pendekatan ini diilhamkan melalui keadaan semasa atau permasalahan terkini yang dihadapi. Ianya kemudian dilakukan beberapa inovasi untuk tujuan penambahbaikan berterusan bagi mencapai prestasi yang menyeluruh dan konsisten. Oleh itu, UiTMCK dapat meningkatkan prestasinya demi mencapai objektif, misi, visi dan falsafahnya.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengukuran di UiTMCK dirancang, dilaksana, serta ditambah baik secara berterusan menggunakan pendekatan yang holistik berpandukan kepada tiga tonggak utama sebagai panduan, iaitu Objektif Kualiti UiTMCK seperti dalam gambar rajah 1 (**Rujuk Bukti 1**) Kesemua objektif yang dinyatakan adalah bertepatan dalam memenuhi kriteria bidang tumpuan pilihan iaitu Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan.

Bagi memastikan objektif-objektif yang dinyatakan boleh dicapai, gambar rajah 2 (**Rujuk Bukti 1**) memaparkan enam (6) kaedah pengukuran yang digunapakai di UiTMCK bagi mengukur bidang tumpuan pilihan. Kaedah-kaedah yang digunakan adalah menyeluruh dalam mendapatkan maklum-balas dan respon dari kumpulan peserta yang terlibat. Sebagai contoh, bagi memastikan objektif kualiti 3(a) dapat dicapai dengan jayanya, Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni bersama-sama Bahagian Perancangan Strategik UiTMCK telah merangka program berskala besar yang bukan hanya melibatkan pihak UiTM, tetapi juga agensi-agensi kerajaan yang lain (**Rujuk Bukti 2**) bagi ketampakan UiTM amnya dan kampus Cawangan khususnya. Program yang telah dilakukan bukan sahaja melibatkan kakitangan UiTM Shah Alam, malahan Majlis Agama Islam Kelantan.

Pada akhir setiap program yang dijalankan oleh UiTMCK, pihak penganjur diwajibkan untuk mengedarkan borang maklum-balas program (**Rujuk Bukti 3**) bagi tujuan penambahbaikan penganjuran program untuk masa akan datang, selain mendapatkan maklum balas daripada para peserta berkenaan dengan program yang telah berlangsung.

UiTM Cawangan Kelantan juga mengunapakai beberapa platform media sosial rasmi bagi menyampaikan maklumat terkini serta hebahan-hebahan aktiviti yang telah dilaksanakan kepada masyarakat umum. Platform ini dikawal selia oleh Bahagian Komunikasi Korporat dan dikemaskini dari semasa ke semasa. Merujuk pada **Bukti 4**, disenaraikan contoh tangkap layar bagi setiap platform media sosial rasmi untuk UiTMCK.

SENARAI BUKTI:

1. [Bukti 1_Lampiran 4.2_Gambar rajah 1.2.pdf](#)
2. [Bukti 2_Lampiran 4.2_Contoh Program.pdf](#)
3. [Bukti 3_Lampiran 4.2_Borang maklumbalas program.pdf](#)
4. [Bukti 4_Lampiran 4.2_Media Sosial Rasmi UiTMCK.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengukuran sistem utama UiTMCK telah dibuat secara berterusan sepanjang tahun 2019 dan 2020 di mana data-data yang telah dikumpul dan diperolehi akan dianalisa mengikut kekerapan dan tempoh masa yang telah ditetapkan. Data-data yang diperolehi akan terus dianalisa dengan kadar segera dimana tindakan yang sewajarnya diambil berdasarkan cadangan penambahbaikan berterusan yang dimajukan kepada setiap unit, ketua PTJ dan bahagian-bahagian yang terlibat. **Bukti 1** menunjukkan secara ringkas sumber ukuran, kekerapan data dikumpul dan dianalisa, maklumat data, capaian data dan kegunaan hasil analisa data untuk penambahbaikan prestasi dan perkongsian maklumat sistem utama UiTMCK.

Pelaksanaan instrument pengukuran juga diperluaskan ke peringkat global, dimana sebahagian data rasmi UiTMCK dan juga sebarang maklumat aktiviti, program dan latihan boleh dicapai secara maya dan dikongsi tanpa had dan sempadan oleh sesiapa sahaja. Capaian yang dimaksudkan boleh dicapai secara terus menerusi saluran yang disenaraikan di dalam seperti ditunjukkan dalam **Bukti 2**.

Sebagai contoh, *Centre for Planning and Strategic Information* (CSPI), telah bertanggungjawab di dalam melaksanakan tadbir urus pengurusan UiTM secara sistematik. CSPI juga turut menyediakan maklumat dan data rasmi kepada pihak luar, samada di peringkat kebangsaan, mahupun antarabangsa. Laman web rasmi UiTMCK, Direktori Staf UiTMCK, dan sistem alumni UiTM juga menyediakan pelbagai maklumat rasmi berkenaan dengan kampus, staf, pelajar dan juga semua aktiviti yang dijalankan di dalam dan luar kampus kepada tatapan umum. Tidak lupa juga laman sosial UiTMCK di semua platform utama iaitu Facebook, Instagram, Twitter dan Youtube juga bertindak sebagai medium informasi dan berita bagi menyampaikan segala aktiviti-aktiviti yang berlaku di dalam dan luar kampus kepada tatapan umum.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_LAMPIRAN 4.3_Pengukuran Sistem Utama UiTMCK.pdf](#)
2. [Bukti 2_LAMPIRAN 4.3_Saluran data UiTMCK.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan pencapaian sistem utama UiTMCK dilaksanakan secara berkala dan berperingkat mengikut kepada kekerapan analisa yang telah ditetapkan merujuk kepada **Bukti 1**.

Pencapaian ini telah dipantau oleh staf yang telah dilantik bagi menguruskan data dan analisa terlibat. **Bukti 2** menunjukkan ringkasan pemantauan berdasarkan bidang tumpuan PTJ masing-masing.

UiTMCK juga telah menubuhkan jawatankuasa pemantauan kualiti untuk memantau dan memastikan segala perancangan dan pengurusan operasi mencapai sasaran tahunan seperti berikut:

1. Jawatankuasa Unit Transformasi Universiti. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memantau perancangan dan pelaksanaan bagi setiap PTJ dan membuat analisa bagi melihat tren pencapaian tahunan UiTMCK.
2. Jawatankuasa Audit Dalaman UiTMCK. Audit Dalam secara berterusan dijalankan bagi memastikan keberkesanan sistem pengukuran pencapaian yang dijalankan. Bagi tujuan ini, pasukan Audit Dalam yang bertauliah menjalankan pengauditan secara berkala sebanyak 2 kali setahun untuk melihat sejauh mana prosedur pengurusan program berjalan lancar mengikut ketetapan yang dirancang. Jawatankuasa ni bertanggungjawab memastikan segala ketidapatuhan yang berlaku dibentangkan dalam MKSP dan juga MPD. Ia akan membantu UiTMCK untuk menghadapi Penilaian luar yang dilakukan oleh penilai-penilai yang dilantik oleh Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA). Audit ini dijalankan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh Malaysian Qualification Agency (MQA). Penilaian akreditasi juga diterima oleh UiTMCK daripada badan-badan profesional dari dalam dan juga luar negara seperti ACCA, dan juga MBOT.
3. Jawatankuasa Pengurusan Risiko UiTMCK. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk pengawasan dan pengurusan risiko UiTMCK. Ia perlu memastikan laporan berkala pengurusan risiko di UiTMCK dan cadangan maklum balas untuk tindakan susulan terhadap risiko tersebut. Hasil laporan akan dibentangkan dalam MKSP dan MPD.

SENARAI BUKTI:

1. [Bukti 1_LAMPIRAN 4.4.1_Pengukuran Sistem Utama UiTMCK.pdf](#)
2. [Bukti 2_LAMPIRAN 4.4.1_Pemantau dan Komponen Pengukuran.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi mendepani risiko yang mungkin berlaku, UiTMCK menitikberatkan aspek pengumpulan data dimana data yang dikumpul akan dibuat analisis oleh PTJ yang dilantik. Mesyuarat secara berkala telah diadakan bagi mengenalpasti risiko dan tindakan yang perlu diambil. **(Rujuk Bukti 1)** Borang kaji selidik akan digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan risiko setiap kali selesai program. Borang ini akan merupakan medium bagi pengumpulan data dan seterusnya dianalisa bagi mengenalpasti risiko yang timbul, dan bagi memastikan penambahbaikan bagi mengurangkan risiko yang sama yang mungkin berlaku pada program akan datang. Selain dari itu, bagi memastikan UiTMCK berada pada landasan yang betul dalam mencapai KPI yang telah ditetapkan, PTJ yang dilantik telah dibekalkan dengan dokumen yang menerangkan tentang objektif-objektif yang telah tercapai berpandukan objektif kualiti UiTMCK. Setiap PTJ juga perlu melaporkan pencapaian KPI dari semasa ke semasa kepada Unit Perancangan Strategik bagi memastikan ia dapat dicapai dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Seperti yang ditunjukkan pada **Bukti 2**, petunjuk bagi pencapaian semasa UiTMCK dapat memberi gambaran progres setiap bahagian dan unit di UiTMCK terhadap objektif yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka. Penggunaan sistem papan pemuka atau dashboard yang diguna pakai pada 2020 lebih membantu dalam pengurusan data dan analisa selain menjadi wadah penyampaian kepada warga di UiTMCK berkenaan objektif-objektif yang telah dan belum dicapai. Di sini dapat dilihat pencapaian UiTMCK pada tahun 2020 adalah 71.65 peratus. Di dalam sistem ini juga pemilik PI dapat melihat kemajuan prestasi masing-masing dari satu bulan ke satu bulan yang lain. Dengan adanya petunjuk kemajuan pencapaian setiap bulan, setiap jabatan dapat mengenalpasti PI yang telah, sedang dan belum dicapai. Risiko akan dikenalpasti dari jumlah PI yang masih belum dicapai dan juga PI yang sedang dalam proses dapat dikenalpasti dan tindakan progresif boleh diambil oleh PTJ terbabit bagi memastikan objektif tersebut dapat dicapai tepat pada masanya. Semakin banyak PI yang belum dicapai bermakna semakin tinggi risiko yang akan dihadapi oleh pemilik PI tersebut. Setiap jabatan perlu memastikan indikator-indikator yang disenaraikan perlu dinyatakan dan dilaporkan kepada PTJ dan bahagian perancangan strategik. Ini membantu dalam pengumpulan data yang lebih efisien, mengurangkan risiko pengukuran analisa dan memastikan pengurusan pengetahuan yang lebih baik.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_LAMPIRAN 4.4.2_Contoh minit mesyuarat.pdf](#)
2. [Bukti 2_LAMPIRAN 4.4.2_Petunjuk Bagi Pencapaian Semasa UiTMCK.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Risiko yang telah dikenalpasti akan dinilai dan diklasifikasi mengikut kategori bagi memastikan tindakan diambil dengan sewajarnya. Seperti yang telah diketahui, UiTMCK amat menitikberatkan soal kualiti dalam memastikan kecemerlangan yang berterusan. Oleh kerana itu, kewujudan **Jawatankuasa Operasi Bencana Negeri (JOBN) di bawah pengurusan Unit Risiko** dilihat dapat membantu mempercepatkan lagi proses penyaluran aduan dan pengurusan risiko dari staf dan orang awam kepada pihak UiTMCK. Penubuhan JOBN ini adalah sejajar dengan kepakaran-kepakaran yang ada di dalam sistem UiTMCK. Maklumat-maklumat ini didapati daripada direktori staf yang telah disediakan oleh bahagian pentadbiran. Ahli JOBN adalah terdiri daripada staf yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas di dalam bidang pengurusan risiko di mana mereka bertanggungjawab dalam memberi nasihat kepada pihak UiTMCK bagi setiap isu yang timbul. Bagi memastikan penambahbaikan dilakukan, mesyuarat secara berkala akan dilakukan supaya setiap permasalahan yang timbul dapat dikenalpasti dan diselesaikan dengan segera. Mesyuarat juga akan diadakan lebih kerap jika terdapat banyak isu yang perlu diselesaikan. Ini dapat dilihat semasa bermulanya pandemik Covid-19, terdapat lebih dari lima kali mesyuarat khas yang diadakan. Isu yang sering diutarakan melibatkan pelbagai perkara termasuk isu yang melibatkan bahagian fasiliti seperti di **Bukti 1**. Di sini dapat dilihat setiap aduan itu akan dianalisa dan dikategorikan risiko mengikut beberapa tahap.

Selain itu, sistem PRISMA UiTMCK juga membantu dalam mengenalpasti risiko dan penambahbaikan yang perlu dilakukan. Proses permohonan kemasukan data oleh penerbit yang menerbitkan jurnal atau bahan penulisan di mana-mana penerbitan kini lebih kredibel berbanding sebelum ini. PRISMA adalah sistem pengkalan data yang komprehensif yang dibina oleh UiTM bagi memastikan maklumat terkini staf dalam urusan penerbitan. Kewujudan penyelaras PRISMA amat membantu dalam memastikan setiap maklumat yang diberi adalah tepat. Dalam pada itu, proses validasi ini juga membantu mengurangkan risiko penyalahgunaan bahan terbitan yang mungkin dihadapi oleh staf, contohnya jurnal yang diterbitkan oleh penerbit yang tidak sah.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_LAMPIRAN 4.4.3_Isu Risiko.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan kerja di UiTMCK amat berkait rapat dengan perkongsian maklumat yang jelas, telus dan efisien. Sebagai satu usaha menambahbaik prestasi organisasi, perkongsian maklumat samada diperingkat UiTMCK atau masyarakat luar amat dititikberatkan. Dalam memastikan perkongsian maklumat dapat dijalankan dengan berkesan, proses penyampaian maklumat yang sahih dititikberatkan dalam kalangan warga UiTMCK. Ia juga adalah usaha berterusan yang telahpun diamalkan di UiTMCK sejak sekian lama sehingga sekarang dan sentiasa diperbaharui menurut peredaran zaman dan kemajuan teknologi.

UiTMCK sebagai sebuah organisasi yang dinamik mempunyai pendekatan tersendiri bagi mengukur pencapaian prestasinya. Ia diilhamkan melalui keadaan semasa atau permasalahan terkini yang dihadapi. Ia kemudiannya ditambah baik dengan beberapa inovasi untuk tujuan penambahbaikan berterusan bagi mencapai prestasi yang menyeluruh dan konsisten.

Tahap pelaksanaan pengukuran dilakukan dengan membuat penanda aras dengan organisasi lain di luar UiTMCK. Lawatan penanda aras dan penyelidikan oleh pihak perunding U-KeKWA UiTMCK dengan Kerjasama Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan (**U-KeKWA**) telah membuat **lawatan penanda aras dan penyelidikan di Kampung Rotan Batu Ban Khai, Narathiwat, Thailand** yang telah dijalankan pada 22-24 Ogos 2019 yang melibatkan seramai 11 orang pensyarah dari empat fakulti berbeza UiTMCK. (**Rujuk Bukti 1**). Penanda aras yang kedua dibuat di **Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT)** telah diadakan pada 15 September 2019 (Ahad) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT). Lawatan ini disertai oleh lapan orang wakil dari UiTMCK. (**Rujuk Bukti 2**).

Untuk kesukarelawan, Kumpulan **UKEKWA SYNERGY** yang dianggotai oleh pensyarah UiTM Cawangan Kelantan. Mereka telah mewujudkan satu **projek inovasi sosial** yang bertajuk Meningkatkan Pendapatan Yang Rendah Di Kalangan Peserta Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK). Projek ini terhasil dengan kerjasama Unit Kebajikan Wanita Negeri Kelantan (UKEKWA). Ia telah diguna pakai di peringkat Kelantan. Projek ini telah menggunakan beberapa kaedah seperti 'online marketing', penyediaan modul dan 'rebranding' bagi mencapai tujuan dalam meningkatkan pendapatan peserta PPWK. dimana hasil pencapaian yang telah diperolehi oleh kumpulan tersebut melalui Konvensyen KIK.

Melalui projek ini, kumpulan UKEKWA SYNERGY telah memperoleh kejayaan yang unggul di KIK Zon Timur bahkan di KIK Zon Kebangsaan 2019. (**Rujuk Bukti 3**)

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_LAMPIRAN 4.5_Penanda Aras Thailand.pdf](#)
2. [Bukti 2_LAMPIRAN 4.5_Penanda Aras Terengganu.pdf](#)
3. [Bukti 3_LAMPIRAN 4.5_KIK.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Sumber manusia merupakan aset untuk menjayakan bidang tumpuan (BT) kampus terhadap aktiviti alumni, komuniti dan kesukarelawan. Penglibatan ini menunjukkan komitmen dan amanah staf sebagai sebahagian dari organisasi di samping merealisasikan hasrat universiti untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan. Perancangan yang sistematik dilaksanakan pada peringkat awal pelaksanaan aktiviti-aktiviti BT di antara pelbagai pihak terutama pihak pengurusan kampus dan juga pusat tanggungjawab (PTJ) seperti bahagian HEA, HEP, PJIA, Pentadbiran, Kewangan, Pengurusan Fasiliti dan Perpustakaan. Diskusi merencanakan aktiviti-aktiviti UiTMCK diagihkan kepada 10 projek UiTMCK dengan 4 darinya (iaitu: SEED, GLOBAL VISIBILITY, LEADING ENTREPRENEURSHIP-ANYWHERE CAN DO BUSINESS & 1MINE4R) melibatkan staf yang memberi impak kepada alumni UiTMCK dan komuniti. Ini membolehkan perancangan dilaksanakan dengan lancar dengan bersumberkan kepakaran staf dan kemampuan UiTMCK dalam memberi sokongan kewangan, fasiliti dan sebagainya. Mesyuarat-mesyuarat seperti Perancangan Strategik, Jawatkuasa Eksekutif Negeri, Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM), Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD) antara kaedah yang digunakan pada peringkat awal pelaksanaan sesuatu aktiviti termasuk *Training Needs Analysis* (TNA) bagi membolehkan penganjuran aktiviti yang melibatkan sumber manusia adalah berdasarkan keperluan sebenar warga UiTMCK. Daripada pendekatan yang digunakan seperti yang dinyatakan, kepakaran dan kemahiran staf dioptimumkan dan disalurkan di dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan juga alumni. Kerjasama dengan pelbagai agensi luar seperti Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa) Negeri Kelantan, Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT), sekolah-sekolah dan lain-lain membolehkan pengkongsian maklumat kepada umum berkaitan penyakit disleksia dan prospek dan peluang kepada lepas sijil SPM dalam bidang perakauan, penghasilan dan sumbangan peralatan pelindung diri (PPE) dan pembasmian kuman (hand sanitizer), bantuan bekalan asas kepada yang terkesan sebelum atau semasa pandemik Covid-19, program menyantuni pelajar tahfiz dan anak-anak yatim dan lain-lain. Bagi pemantauan aktiviti-aktiviti ini, UiTM Happiness Index (UHI), Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), Borang Aduan Maklumbalas Pelanggan, Sistem Pengurusan Aduan dan Maklumbalas (SPAM) dan Sistem FMS dipraktikkan. Wakil penganjur aktiviti juga akan dimohon maklumat peratus pelaksanaan aktiviti tersebut memandangkan terdapat beberapa aktiviti dengan tempoh pelaksanaan melebihi setahun bersama Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa) Negeri Kelantan. Laporan-laporan penganjuran aktiviti meliputi impak aktiviti tersebut dengan merujuk petunjuk prestasi perlu dihantar kepada pihak PTJ. Bagi program yang melibatkan MOA bersama pihak luar (cth: Pengurusan Kewangan Masjid bersama MAIK), siri pemantauan dilaksanakan seperti perbincangan dan perkongsian slot, lawatan mesra audit berkala dan pembentangan hasil audit kepada pihak MAIK oleh wakil perunding UiTMCK mengenai pengurusan kewangan masjid di dua jajahan Kelantan iaitu Machang dan Kota Bharu. Maklumbalas dari warga alumni dan komuniti tentang kemahiran yang dipelajari melalui sumber kepakaran staf UiTMCK juga dikenalpasti bagi membolehkan pemantauan dan penambahbaikan sesuatu program berimpakkan alumni dan kemasyarakatan. Sistem Pengurusan Risiko (eRMS), Sistem Pengurusan Fasiliti (FMS), MKSP juga digunakan untuk penambahbaikan penganjuran seterusnya walaupun tiada sebarang aduan yang diterima pada 2019 dan 2020 berkaitan BT ini. Hasil daripada komitmen staf dalam BT ini, ianya memberi kesan kepada peningkatan satu peratus Indeks Kepuasan Staf (UiTM Happiness Index) pada tahun 2020 berbanding 2018 dengan tahap "sederhana gembira" dari segi penglibatan staf dengan komuniti dan industri. Disamping itu, ia memotivasikan staf untuk menghasilkan produk inovasi sebagaimana U-KeKWa Synergy yang menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dan juga staf UiTMCK seperti Ts. Mohd Zafian Mohd Zawawi, Ustaz Che Bakar Che Mat, En. Mohd Azrul Sidek dan Dr. Marziana Madah Marzuki yang diberikan penghargaan, hasil

sumbangan mereka kepada UII MCK dan juga alumni dan komunitas.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Penglibatan sumber manusia dalam merealisasikan aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan dapat dilaksanakan dengan sempurna dengan membuat pengurusan penglibatan ini secara sistematik. Sebelum pengurusan ini dimulakan, petunjuk prestasi dirujuk oleh setiap pusat tanggungjawab (PTJ) UiTMCK bagi merancang, melaksanakan dan menilai impak-impak program sejajar dengan petunjuk prestasi. Perbincangan antara PTJ dan pengurusan kampus juga dilaksanakan bagi membolehkan program mampu dilaksanakan dan diselaraskan secara efektif dan selari dengan kehendak kampus, khususnya. Siri perbincangan tidak hanya terhad dengan mengadakan Bengkel Perancangan Strategik samada dianjurkan oleh unit Perancangan Strategik atau bahagian/fakulti bagi tahun 2019 dan 2020, ianya turut mengambil kaedah lain yang boleh menyesuaikan tugas hakiki staf yang terlibat **(Rujuk Bukti 1)**.

Platform seperti *whatsapp* dan juga *google classroom* telah digunakan bagi membantu penyaluran maklumat dan idea dari mana-mana pihak. Pengagihan dan pelaksanaan petunjuk prestasi diagihkan kepada 4 bahagian utama kampus iaitu HEA, HEP, PJIA dan Kewangan. Bagi merencanakan penglibatan staf dalam aktiviti BT berdasarkan petunjuk prestasi kampus, projek SEED diletakkan dibawah HEP, manakala projek GLOCAL VISIBILITY, projek LEADING ENTREPRENEURSHIP-ANYWHERE CAN DO BUSINESS dibawah PJIA dan 1MINE4R adalah dibawah PJIA). *Training Needs Analysis* (TNA) atau Analisa Keperluan Latihan yang dijalankan pada Oktober 2018 juga antara inisiatif lain diaplikasikan untuk aktiviti BT bagi tahun 2019 **(Rujuk Bukti 2)**.

Bahagian PJIA melalui Unit Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN), UiTMCK merangka pelbagai program dan latihan untuk menjayakan bidang tumpuan. Pihak UiTMCK juga telah meluluskan pelbagai projek perundingan untuk menjayakan bidang tumpuan. Antara usaha yang telah dilakukan adalah dengan melantik Ketua Projek mengikut kepakaran untuk menjayakan BT. Antara projek yang melibatkan bidang tumpuan adalah kerjasama UiTMCK dengan U-KeKWa. Di samping itu, pihak UiTMCK telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) dengan pihak MAIK untuk menjalankan kerjasama tentang pengurusan kewangan masjid **(Rujuk Bukti 3)**.

Pelbagai latihan di bawah Unit Institut Latihan dan Kepimpinan (ILD) telah diadakan untuk meningkatkan pengetahuan staf dan warga UiTM secara amnya. Keperluan meningkatkan kepakaran staf diperolehi dari maklumbalas TNA yang telah dijalankan. Untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran, pihak UiTMCK telah mengadakan pelbagai latihan dan meluluskan penganjuran konferensi dan inovasi seperti *National Academic Symposium of Social Science* (NASSC 2019), *Regional Academic Symposium on Science & Technology 2020* dan *International Information Management Online Showcase* (IIMOS 2020) **(Rujuk Bukti 4)**.

Selain itu, beberapa aktiviti BT dibawah unit MASMED seperti kolaborasi keusahawan telah dilaksanakan seperti kolaborasi keusahawan untuk perkhidmatan coaching dan penasihat perniagaan telah dianjurkan dengan 100 peratus memenuhi petunjuk prestasi. Antara aktiviti ini ialah Kerja Digital: Keperluan atau Gaya Hidup? dimana ia memberi pendedahan kepada pelajar tahun akhir dan alumni tentang keperluan memasarkan kemahiran dan bakat mereka sebagai tenaga kerja digital secara digital. Bagi menjayakan bidang tumpuan juga, aktiviti kesukarelawan ini telah mendapat liputan dari media massa seperti projek menghasilkan PPE. Liputan di media massa ini telah meningkatkan keterampilan maya UiTMCK. UiTMCK juga memperkasakan bakat staf dengan menggalakkan staf menyertai pertubuhan luar seperti Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Kelantan Darul Naim. Pihak UiTMCK juga megiktiraf hasil usaha staf untuk menjayakan bidang tumpuan dengan menghebahkannya di media sosial seperti di FB dan laman web **(Rujuk Bukti 5)**. Penglibatan staf sebagai penasihat didalam program kesukarelawan mahasiswa secara kolaborasi bersama masyarakat juga dilaksanakan

seperti UJUM. Duit Disemai Kasih Tercipta bersama Gabungan Pelajar Melayu Malaysia (GPMS) dan DO CARE, SPREAD LOVE.

SENARAI BUKTI:

1. [Bukti 1_Lampiran 5.2_Bengkel Perancangan Strategik 2019 dan 2020.pdf](#)
2. [Bukti 2_Lampiran 5.2_Inisiatif perancangan aktiviti 2019 & 2020.pdf](#)
3. [Bukti 3_Lampiran 5.2_PERUNDINGAN DAN KETUA PROJEK.pdf](#)
4. [Bukti 4_Lampiran 5.2_CONFERENCE DAN INOVASI.pdf](#)
5. [Bukti 5_Lampiran 5.2_MEDIA1.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan (UiTMCK) sentiasa menitik beratkan penglibatan staf bagi menjayakan bidang tumpuan pilihan. UiTMCK mempunyai seramai 351 orang pensyarah dari pelbagai fakulti dan seramai 65 orang adalah pemegang PhD. Kepakaran dan kemahiran staf UiTMCK dari pelbagai bidang menjadi asas yang kukuh bagi pihak Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (**U-KeKWa**), Negeri Kelantan untuk bekerjasama dengan UiTMCK bagi meningkatkan taraf hidup golongan wanita di bawah B40 di Negeri Kelantan. Ahli perunding UiTMCK dengan kerjasama U-KeKWa telah melakukan **lawatan penanda arasan dan penyelidikan** di Kampung Rotan Batu Ban Khai di Narathiwat, Thailand dan ke Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) (**Rujuk Bukti 1**).

Selain itu, Fakulti Perakaunan UiTMCK dengan kerjasama MAIK telah bergabung dengan mengadakan satu Kursus Pengurusan Kewangan Masjid bagi seluruh negeri Kelantan. Hasil keberkesanan kursus tersebut, pihak MAIK telah bersetuju untuk menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) pada 23 Januari 2019 untuk mengadakan kursus ini di seluruh jajahan Negeri Kelantan (**Rujuk Bukti 1**). Fakulti ini juga menganjurkan *AC Care* bermula tahun 2019 bagi menyalurkan sumbangan yang diperolehi dengan cara yang sistematik kepada mereka yang benar-benar memerlukan bantuan kewangan dan juga barangan harian, hasil kutipan derma dari para pensyarah Fakulti Perakaunan dan keluarga, serta alumni Fakulti Perakaunan. UiTMCK juga telah menggunakan kepakaran staf dengan menghasilkan projek menjahit **PPE (Personal Protective Equipment)** kepada petugas barisan hadapan atau *frontliners* dengan kerjasama Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA) Cawangan Kelantan. Kerjasama ini melalui Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni ICAN merupakan satu bentuk projek sukarelawan dengan menggunakan kepakaran pensyarah dan fasilititi di Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, pensyarah daripada Akademi Pengajian Bahasa, Wakil HEP & Pejabat Polis Bantuan dan sebanyak 640 pasang PPE telah disiapkan selama sebulan. Jalinan kerjasama ini tidak melibatkan sebarang keuntungan material dan hanya mengkhususkan kepada projek komuniti (**Rujuk Bukti 2**).

UiTMCK sentiasa proaktif dalam menjalankan usaha kemasyarakatan samada melalui kerjasama dengan pelbagai agensi, komuniti dan alumni. Antara program yang dijalankan adalah Tabung Bantuan Covid-19 iaitu kerjasama di antara Fakulti Pengurusan Maklumat dan Masjid Al-Ikhlas, Kg Paya Lada. Program ini melibatkan 15 orang wakil dari FPM, 3 wakil komuniti setempat dan 2 orang AJK Masjid Al-Ikhlas. Program ini bertujuan untuk memberi bekalan bantuan asas kepada penduduk yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Selain daripada itu, FPM juga memperluaskan khidmat kemasyarakatan ke luar daripada negeri Kelantan dengan menganjurkan Projek Prihatin Meru. Projek ini adalah kerjasama di antara penduduk setempat Meru dan melibatkan 15 orang wakil FPM (**Rujuk Bukti 2**). Pihak UiTMCK juga telah meluaskan khidmat kesukarelawan ini dengan bekerjasama dengan Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM Shah Alam, MAIK dan Masjid Mukim Kuala Betis untuk memantapkan pembangunan insan warga orang asli melalui Program Kembara Asnaf. Di samping membina peribadi dan menaik taraf hidup penduduk orang asli program ini juga bertujuan untuk berkongsi kemahiran dan kepakaran peserta UiTMCK (**Rujuk Bukti 2**).

Pendedahan berterusan staf UiTMCK dalam penganjuran dan penyertaan konferensi dalam dan luar negara amat penting dalam mewujudkan budaya inovasi. Kepakaran dan pengalaman staf UiTMCK telah dioptimumkan dengan mengadakan persidangan dan inovasi seperti di lampiran (**Rujuk Bukti 3**). Kepakaran staf UiTMCK telah terbukti apabila telah memenangi pelbagai anugerah seperti Anugerah Fasilitator Terbaik Ts. Mohd Zafian Mohd Zawawi (U-KeKWa Synergy), Anugerah KIK Hibrid Terbaik Bidang Inovasi Sosial (U-KeKWa Synergy) dan Anugerah Penarafan Emas (U-KeKWa Synergy) (**Rujuk Bukti 4**). Bagi mempergiatkan lagi usaha kesukarelawan dan penglibatan dengan komuniti dan alumni, pihak UiTMCK telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan pelbagai projek sepanjang tahun 2019 dan 2020.

Projek-projek kesukarelawanan ini boleh dilihat seperti di lampiran **(Rujuk Bukti 5)**.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_Lampiran 5.3_LAPORAN PPWK DAN MOA MAIK.pdf](#)
2. [Bukti 2_Lampiran 5.3_PPE, TABUNG PRIHATIN COVID, PROJEK MERU,KEMBARA ASNAF.pdf](#)
3. [Bukti 3_Lampiran 5.3_CONFERENCE DAN INOVASI.pdf](#)
4. [Bukti 4_Lampiran 5.3_ANUGERAH.pdf](#)
5. [Bukti 5_Lampirann 5.3_DATA KOMUNITI DAN SUKARELAWAN 2019 - 2020.xlsx.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMCK menjalankan **proses pemantauan secara berkala** dalam memastikan kepuasan sumber manusia dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa terutama dalam menjayakan program berkaitan bidang tumpuan (BT) iaitu jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan. Antara mekanisma yang digunakan bagi pemantauan sumber manusia adalah UiTM Happiness Index (UHI), Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), Borang Aduan Maklumbalas Pelanggan, Sistem Pengurusan Aduan dan Maklumbalas (SPAM) dan Sistem FMS (**Rujuk Bukti 1**). Berdasarkan laporan UiTM Happiness Index 3.0 (UHI 3.0) yang dijalankan pada 2020, terdapat peningkatan sebanyak 1 peratus berbanding tahun 2018. UiTMCK berjaya mencapai 74 peratus indeks kegembiraan manakala indeks kegembiraan staf UiTM secara keseluruhan hanya 73 peratus (**Rujuk Bukti 2 dan Bukti 3**). Bagi tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), didapati staf UiTMCK berada pada tahap "sederhana gembira" dari segi penglibatan dengan komuniti dan industri (**Rujuk Bukti 4**). Namun begitu, tiada aduan berkaitan program BT terhadap sumber manusia diterima UiTMCK.

SENARAI BUKTI:

1. [Bukti 1_Lampiran 5.4.1_website uitm Kelantan.pdf](#)
2. [Bukti 2_Lampiran 5.4.1_LAPORAN ANALISIS AWALAN UHI3.0.pdf](#)
3. [Bukti 3_Lampiran 5.4.1_UHI keseluruhan.pdf](#)
4. [Bukti 4_Lampiran 5.4.1_UHI komuniti.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTMCK di bawah pengurusan Pejabat Rektor bertanggungjawab untuk mengenalpasti risiko sumber manusia semasa penilaian program BT dan seterusnya merancang tindakan pencegahan yang berkaitan. Pada tahun 2020, UPR telah memperkenalkan aplikasi atas talian iaitu **Sistem Pengurusan Risiko (eRMS)** bagi memudahkan proses pengurusan risiko yang boleh dicapai melalui pautan <https://erms.uitm.edu.my> (**Rujuk Bukti 1**).

Disamping itu, **Jawatankuasa Operasi Bencana Negeri (JOBN)** yang dianggotai oleh staf UiTMCK, bertanggungjawab dalam mengurus bencana yang melibatkan staf dan pelajar UiTMCK serta komuniti setempat. Semua ahli jawatankuasa ini telah menghadiri kursus yang ditetapkan supaya mereka sentiasa bersedia dan bersiap-siaga dalam menghadapi risiko akibat bencana seperti banjir dan pandemik Covid19 (**Rujuk Bukti 2**). Bagi mengatasi risiko kekurangan dana, staf UiTMCK amat digalakkan untuk mengadakan kerjasama dengan pihak luar dalam menjayakan program BT. Antara agensi yang pernah terlibat adalah Majlis Agama Islam Negeri Kelantan dan Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA). Melalui kerjasama ini bukan sahaja kos penganjuran program dapat diminimakan, bahkan komitmen dari pelbagai pihak juga dapat dioptimumkan (**Rujuk Bukti 3**).

Selain itu, UiTMCK juga memberi pendedahan dan latihan kepada sumber manusia untuk mencegah dan menangani risiko. Antaranya aktiviti yang dijalankan pada tahun 2019-2020 adalah Latihan Kebakaran Bagi Bangunan Pentadbiran, Kursus Pasukan 'First Aider' 2019, Kempen Kesedaran dan Keselamatan Awam, Kursus Bantuan Operasi Menyelamat UiTM Kelantan, Kursus Pemeriksaan Pemasangan Peralatan Keselamatan Kebakaran dan Kursus Asas Pemeriksaan Sistem Pemasangan Keselamatan Kebakaran UiTM Kelantan serta banyak lagi (**Rujuk Bukti 3**). Bagi memastikan risiko kehilangan dan keselamatan sumber manusia pula, UiTMCK telah menggunakan arahan yang dikeluarkan oleh Naib Canselor supaya menangguhkan semua program yang melibatkan perjumpaan secara fizikal semasa pandemik Covid 19 (**Rujuk Bukti 4**). Manakala Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri JKKPN juga telah membekalkan peralatan perlindungan diri dan poster bagi mengelak jangkitan Covid 19. Antaranya cecair pembasmi kuman, pelitup muka, alat thermometer, sabun tangan dan juga poster.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_Lampiran 5.4.2_Sistem Pengurusan Risiko \(e-RMS\).pdf](#)
2. [Bukti 2_Lampiran 5.4.2_Laporan JOBN.pdf](#)
3. [Bukti 3_Lampiran 5.4.2_Senarai aktiviti UPR.pdf](#)
4. [Bukti 4_Lampiran 5.4.2_ARAHAN PELAKSANAAN PENGOPERASIAN \(UiTM\).pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCK menyediakan beberapa kemudahan yang kondusif bagi menjalankan aktiviti yang melibatkan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Antaranya makmal komputer di blok D digunakan untuk Kursus Pengurusan Kewangan Masjid Bersama MAIK (**Rujuk Bukti 1**). Foyer blok D pula digunakan Program Derma Darah kolaborasi bersama UiTMCK dan Hospital Besar Raja Perempuan Zainab (HRPZ) Kota Bharu dan Hospital Machang. Selain itu, foyer blok D juga digunakan untuk konsultasi percuma kepada komuniti untuk menjayakan Ekspo Selangkah Masuk ke UiTM. Selain itu kemudahan *Holding Room* PJI digunakan untuk mengadakan mesyuarat agung Persatuan Alumni UiTM Kelantan (PAUK).

UiTMCK juga telah memperuntukan dana untuk staff dan pelajar bagi melaksanakan aktiviti berkaitan alumni, komuniti dan sukarelawan. Antaranya ialah Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM): Pemacu Masyarakat Cemerlang (**Rujuk Bukti 2**) anjuran APB bertempat di Sekolah Kebangsaan Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan, Program Kerja Amal 'Save Our Beach' bertempat di Pantai Bukit Keluang, Besut, Terengganu, Program Kembara Asnaf Pengurusan UiTM Bersama Masyarakat Orang Asli Masjid Mukim Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan (**Rujuk Bukti 3**), Program Tautan Kasih (OMSA) bersama Warga Emas di Rumah Seri Kenangan Taman Kemumin, Pengkalan Chepa, Kelantan dan banyak lagi. Selain dari itu, kemudahan Pusat Islam/Masjid yang terdapat di UiTMCK banyak digunakan untuk aktiviti komuniti dan kesukarelawan seperti Kursus Pengurusan Jenazah dan ceramah agama bulanan. Manakala ruang parkir kereta bukan sahaja digunakan pakai untuk parkir malah digunakan untuk aktiviti kesukarelawan yang melibatkan komuniti luar. Antaranya demonstrasi yang dijalankan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kelantan, Bahagian Machang dengan kerjasama Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTMCK. Seterusnya Bilik Teater Pusat Pelajar digunakan untuk menjalankan aktiviti *talk* terutamanya yang melibatkan jemputan luar. Antara contoh aktiviti yang dijalankan di Bilik Teater Pusat Pelajar tersebut adalah Program Alumni Talk yang dianjurkan bersempena RelACT Day 2019 dan program ini juga telah ditaja oleh PAUK dengan kos sebanyak RM1000.

UiTMCK juga menyediakan beberapa kemudahan kondusif yang lain seperti Ruang niaga di Pusat Pelajar, Dewan Profesional, Dataran Ilmu bagi menjalankan aktiviti yang melibatkan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Selain itu, UiTMCK menyediakan borang aduan dan maklumbalas pelanggan bagi memudahkan staf untuk menyalurkan aduan terhadap persekitaran dan sistem kerja. Borang tersebut boleh dihantar melalui peti aduan daripada setiap prosedur dan juga secara atas talian (**Rujuk Bukti 4**).

Aduan dan maklumbalas yang di terima dikumpul dan dimasukkan ke dalam Laporan Pencapaian Aduan dan Maklumbalas Pelanggan UiTMCK untuk dibawa ke Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) (**Rujuk Bukti 5**). Melalui MKSP tersebut, hasil analisa dan tindakan penambahbaikan terhadap aduan dan maklumbalas yang diterima dibentang dan dibincangkan. Selain daripada itu, PTJ yang terlibat juga perlu mengemaskini status aduan yang diterima sebelum ini di dalam MKSP tersebut.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_Lampiran 5.4.3_KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN.pdf](#)
2. [Bukti 2_Lampiran 5.4.3_OPKIM.pdf](#)
3. [Bukti 3_Lampiran 5.4.3_KEMBARA ASNAF.pdf](#)
4. [Bukti 4_Lampiran 5.4.3_QR KOD.pdf](#)
5. [Bukti 5_Lampiran 5.4.3_MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penghasilan inovasi merupakan satu pemangkin yang dapat mengetengahkan idea-idea bernas dan kreatif staf UiTMCK. Melalui idea inovatif ini, produk yang diwujudkan dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada staf, bahkan kepada UiTMCK dan juga kepada alumni dan komuniti. Usaha dan galakan yang berterusan dari pihak pengurusan UiTMCK kepada staf tidak dapat dinafikan telah membantu penghasilan inovasi yang sangat kreatif dan diiktiraf sehingga ke peringkat kebangsaan. Sebagai contoh, inovasi yang dihasilkan oleh Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) **U-KeKwa Synergy** dapat menyelesaikan masalah “Kadar pendapatan yang rendah dalam kalangan peserta Pusat Pembangunan Wanita Kelantan” dan ianya secara tidak langsung dapat dijadikan model dan panduan untuk proses menyelesaikan masalah aduan dan maklum balas yang diterima oleh pihak pengurusan UiTMCK. Kumpulan U-KeKwa Synergy ini telah menerima banyak anugerah sepanjang penglibatan dalam KIK **(Rujuk Bukti 1)**. Antaranya adalah Anugerah Penarafan Emas 5 Bintang, Anugerah KIK Hibrid Terbaik Bidang Inovasi Sosial (Kategori Penambahbaikan), Anugerah Penjana Pendapatan Sebenar Terbaik dan banyak lagi.

Bagi menjamin kualiti kerja staf UiTMCK dalam aktiviti berteraskan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan supaya sentiasa di tahap terbaik, pihak pengurusan UiTMCK menyediakan pelbagai penghargaan dan pengiktirafan. Antaranya ialah staf diberikan surat lantikan dan penghargaan untuk setiap penglibatan mereka. Surat-surat tersebut amat berharga untuk staf terutama kepada mereka yang perlukan pengesahan perkhidmatan dan permohonan untuk kenaikan pangkat. Selain itu, ia juga dapat dijadikan ukuran kepada pencapaian prestasi mereka di organisasi. Bagi staf UiTMCK yang menunjukkan prestasi cemerlang pula, mereka akan dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang diraikan di dalam Majlis Hari Inovasi UiTMCK yang dianjurkan pada setiap tahun. Pihak pengurusan UiTMCK juga menyediakan anugerah bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan dan komitmen yang tinggi oleh staf dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Anugerah tersebut adalah Anugerah Perhubungan Industri, Masyarakat & Alumni (APKIM) **(Rujuk Bukti 2)**. Anugerah ini diberikan kepada staf UiTMCK yang mengenengahkan kepakaran serta khidmat mereka bersama masyarakat setempat melalui pertandingan. Anugerah ini dikategorikan kepada berkumpulan, individu dan poster terbaik. Tempat pertama bagi kategori individu dianugerahkan kepada Ustaz Che Bakar Che Mat melalui Program 2K, tempat kedua En. Mohd Azrul Sidek melalui Program Merisik Khabar Komuniti Pasca Bah Kuning 2014. Seterusnya, tempat ketiga dianugerahkan kepada Puan Nur Shaliza Sapiai melalui Program Bual Bicara: Karnival Akademik dan Keusahawanan. Bagi kategori berkumpulan pula, tempat pertama juga diberikan kepada Ustaz Che Bakar Che Mat melalui Program Modul Fitrah Suci. Tempat kedua dianugerahkan kepada Dr. Marziana Madah Marzuki melalui Program Tadbir Urus dan Pengurusan Kewangan Masjid. Seterusnya tempat ketiga pula jatuh kepada Puan Hanis Bt. Kamarudin melalui Program Free Market UiTMCK 2.0 dan Sentuhan Kasih. Bagi *Best Poster* pula, ianya dimenangi oleh Ustaz Che Bakar Che Mat melalui poster bagi Program Modul Fitrah Suci. Anugerah dan penghargaan serta pengiktirafan yang telah diberikan oleh pihak pengurusan UiTMCK ini secara langsung dapat meningkatkan semangat dan komitmen staf UiTMCK di dalam aktiviti-aktiviti yang berteraskan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Dengan penglibatan ini, ia dapat mengukuhkan lagi kedudukan UiTM secara amnya di persada dunia yang bukan hanya memberi impak kepada pelajar Bumiputera melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, malah ia juga mampu mendekatkan UiTM dengan komuniti.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_Lampiran 5.5_ANUGERAH DITERIMA U-KEKWA SYNERGY.pdf](#)
2. [Bukti 2_Lampiran 5.5_ANUGERAH APKIM 2019.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Proses merupakan elemen yang penting dalam pengurusan sesebuah organisasi yang cemerlang khususnya UiTMCK. Bagi melestarikan proses kerja yang sejajar dengan matlamat dan objektif kecemerlangan UiTMCK dalam berpandukan kepada slogan “**Championing Datapreneurship, Empowering Community**”, penglibatan semua pihak bermula kepimpinan kanan, PTJ, keseluruhan warga UiTMCK hinggalah komuniti dalam dan luar negara amatlah diperlukan bagi merancang projek yang menepati bidang tumpuan AKNC 2021 iaitu **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan**. Dalam memenuhi keperluan projek bagi bidang tumpuan ini, pendekatan PDCA telah dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat secara sistematik dan tersusun. PDCA adalah pendekatan yang penting dan efektif dalam mendorong kepada penambahbaikan dalam sesuatu proses dan tugas di dalam sesebuah organisasi khususnya UiTMCK. **Perancangan** awal bagi setiap projek alumni, komuniti dan kesukarelawan di UiTMCK adalah bermula dengan keperluan dalam memenuhi ketetapan iniatif-iniatif yang telah ditetapkan di bawah Perancangan Strategik UiTMCK. Pada peringkat perancangan, perjumpaan dan perbincangan awal seperti mesyuarat dan bengkel dalaman diadakan dan dihadiri oleh kepimpinan kanan, setiap PTJ dan warga UiTMCK yang terlibat bagi membincangkan pelan tindakan dan pelaksanaan projek-projek bidang tumpuan. Perjumpaan secara dalaman ini seterusnya menjurus kepada mendekati (approach) komuniti dan masyarakat yang terlibat agar jaringan dan jalinan kerjasama melalui MOA antara pihak UiTMCK dan masyarakat serta komuniti luar terjalin seperti U-KeKWa, MAIK, sekolah-sekolah dan organisasi dalam dan luar negara. Bagi fasa **pelaksanaan**, pelbagai iniatif telah dilaksanakan demi kepentingan masyarakat dan komuniti serta pihak UiTMCK. Pelaksanaan bagi setiap aktiviti-aktiviti di bawah projek yang telah dirancang adalah berteraskan kepada perkongsian ilmu di antara kedua belah pihak (komuniti dan UiTMCK) serta menjadikan warga UiTMCK sebagai “problem-solver” dan “change agent” kepada masyarakat dan komuniti dalam dan luar negara seperti Projek Pengantarabangsaan Pembangunan Ilmu, Keusahawanan Dan Khidmat Masyarakat di Turki. Hal ini amatlah pertepatan dengan slogan yang telah dinyatakan di atas. Proses **pemantauan** dilaksanakan dengan teliti dan berkesan bagi memastikan setiap iniatif dan pelaksanaan setiap aktiviti mengikut objektif yang telah ditetapkan. Antara pemantauan yang telah dilaksanakan bagi memastikan perancangan objektif berjaya adalah dengan melakukan audit berkala, laporan berkala, aktiviti penanda aras, mengadakan sesi temubual komuniti yang terlibat dan lain-lain lagi bagi menilai keberkesanan aktiviti-aktiviti di bawah projek yang telah dirancang. **Hasil dan penambahbaikan** daripada keberkesanan projek dan aktiviti yang melibatkan warga UiTMCK serta masyarakat setempat secara keseluruhannya telah berjaya dijalankan melalui program-program komuniti setempat dalam dan luar negara serta khidmat masyarakat. Di samping itu juga, pelajar-pelajar juga telah didorong untuk melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dapat membantu meningkatkan kesedaran sivik dan rasa kebertanggungjawaban terhadap sosial masyarakat sekeliling. Hasil daripada projek serta aktiviti mesra komuniti dan masyarakat ini yang telah dijalankan tersebut secara tidak langsung dapat membentuk akhlak serta kemahiran insaniah di kalangan warga UiTMCK dan juga para pelajar khususnya dan secara tidak langsung ia dapat merapatkan hubungan silatullah antara warga UiTMCK dan masyarakat luar. Selain itu, staf UiTM juga digalakkan untuk melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan lantaran daripada terdapatnya KPI yang telah ditetapkan bagi melestarikan kecemerlangan para staf. Kolaborasi ini juga berjaya mewujudkan kerjasama antarabangsa yang patut kita banggakan. Selain itu, pelbagai inovasi telah berjaya dihasilkan hasil daripada proses kerjasama yang lestari ini.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCK sentiasa menitikberatkan proses kerja yang terunggul bagi memastikan objektif kualiti UiTMCK tercapai. Bagi memastikan fokus tumpuan utama yang dinyatakan pada objektif kualiti UiTMCK tercapai, pembudayaan aktiviti-aktiviti komuniti dan kesukarelawan melalui objektif perancangan strategik UiTMCK yang berteraskan **“Championing Datapreneurship, Empowering Community”** telah berjaya dilaksanakan bagi bertujuan memperkasakan hubungan bestari dan kerjasama strategik demi pembangunan masyarakat serta perubahan sosial dan ekonomi. Pada tahun 2019 dan 2020 melalui bengkel dan mesyuarat perancangan strategik, UiTMCK telah merancang beberapa aktiviti yang sistematik berlandaskan kepada proses utama PDCA di mana setiap program dan aktiviti alumni, komuniti dan kesukarelawan akan bermula dari fasa perancangan dan cadangan, pelaksanaan, pemantauan dan pengurusan risiko serta kajian semula. Setiap fasa model PDCA ini akan melibatkan keseluruhan bahagian dan PTJ bermula dari kepimpinan kanan hinggalah disalurkan kepada komuniti luar bagi menggalakkan pembelajaran dan perkongsian ilmu yang berterusan di antara UiTMCK dan masyarakat. Terdapat pelbagai projek yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh UiTMCK bagi memenuhi keperluan ini, antara salah satunya adalah projek Kerjasama perundingan antara UiTMCK (**U-KeKWa Synergy**) dan Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa), Negeri Kelantan. Matlamat utama kerjasama ini adalah untuk membantu Pusat Pembangunan Wanita Kelantan dalam membangunkan dan menawarkan program kemahiran bersepadu bagi bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup golongan wanita di bawah B40 di Negeri Kelantan. Kewujudan pusat kemahiran yang menawarkan program-program kebajikan keluarga dan wanita yang bersepadu hasil daripada kerjasama **U-KeKWa Synergy**, UiTMCK dan pihak U-KeKWa selari dengan aspirasi Kerajaan Negeri Kelantan iaitu melahirkan ummah (masyarakat) yang menuju kecemerlangan yang lestari. merangkumi aspek spiritual, mental dan fizikal serta melahirkan masyarakat dan komuniti yang sejahtera, dinamik dan progresif. Pada peringkat perancangan, mesyuarat awal telah diadakan antara ahli perunding dari UiTMCK bersama Pengerusi Jawatankuasa U-KeKWa pada tahun 2019 bagi mendapatkan gambaran tentang kerjasama dan hala tuju projek kerjasama yang akan dijalankan antara pihak U-KeKWa Negeri Kelantan dan UiTMCK sepanjang tahun 2020 (**Rujuk Bukti 1**). Hasil perbincangan antara ahli perunding UiTMCK dan U-KeKWa telah dipersetujui oleh YB Hjh Mumtaz Md Nawi (Pengerusi U-KeKWa).

Selain itu, para pensyarah UiTMCK juga banyak menyumbang kepakaran mereka demi mencapai kecemerlangan UiTMCK. Antara projek yang dibanggakan adalah **Projek Pengurusan Kewangan Masjid, kerjasama di antara Fakulti Perakaunan dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)**. Objektif utama projek ini adalah untuk meningkatkan ilmu tadbir urus kewangan yang cekap di kalangan komuniti masjid khususnya para pentadbir masjid secara berterusan dengan mengadakan kursus-kursus Pengurusan Kewangan Masjid bagi seluruh mukim komuniti masjid di negeri Kelantan. Pada peringkat perancangan, 32 orang pensyarah dari Fakulti Perakaunan UiTMCK telah mengadakan perbincangan awal dengan pihak MAIK untuk mendapatkan persetujuan kerjasama dengan membentangkan draf Memorandum Perjanjian (MOA) di antara UiTM dan pihak MAIK. Pembentangan MOA kepada pihak MAIK telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak (UiTMCK dan MAIK) dan draf MOA telah dihantar kepada Pejabat Undang-undang Shah Alam untuk semakan. Impak dari perancangan ini, terjalannya kerjasama dan pertukaran MOA di antara UiTM dan MAIK dengan bersetuju melaksanakan kursus kewangan masjid di setiap jajahan seluruh negeri Kelantan selama 5 tahun (**Rujuk Bukti 2 dan Bukti 3**).

Projek Student Engagement and Development (SEED) juga berjaya dilaksanakan pada tahun 2019 anjuran jawatankuasa kolej-kolej dan persatuan akademik mahasiswa UiTMCK. Tujuan utama projek ini dilaksanakan adalah untuk memberi peluang kepada mahasiswa UiTMCK menyumbang tenaga dan penyebaran serta perkongsian ilmu kepada komuniti luar seperti sekolah-sekolah luar bandar, komuniti kampung dan industri. Kerjasama dan kolaborasi bersama komuniti luar negara juga turut terjalin dalam mencapai objektif kualiti UiTMCK, **Projek Pengantarabangsaan Pembangunan Ilmu, Keusahawanan Dan Khidmat**

masyarakat di Turki telah dilaksanakan (**KUJUK BUKTI 4**). Perbagai inisiatif dan pelaksanaan program ini dilestarikan bagi melahirkan mahasiswa yang bertanggungjawab, prihatin dan berdaya saing hingga ke peringkat global.

SENARAI BUKTI:

1. [Bukti 1_Lampiran 6.2_Laporan perjumpaan UiTMCK bersama U-KekWa.pdf](#)
2. [Bukti 2_Lampiran 6.2_MOA UiTM dan pihak MAIK.pdf](#)
3. [Bukti 3_Lampiran 6.2_PROJEK PENGURUSAN KEWANGAN MASJID, FAKULTI PERAKAUNAN DAN MAIK.pdf](#)
4. [Bukti 4_Lampiran 6.2_PROGRAM PENGANTARABANGSAAN DI TURKI.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Di antara inisiatif yang telah berjaya direalisasikan dengan adanya kerjasama UiTMCK (**U-KeKWa Synergy**) dan Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita PPWK (UKekWa) negeri Kelantan adalah dengan menghasilkan laporan kajian mengenai “Keberkesanan dan Halatuju Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (**Rujuk Bukti 1**). Secara rasminya, UiTMCK telah membantu PPWK (U-KeKWa) dari sudut penghasilan penyelidikan dan penanda arasan di Kampung Rotan Batu Ban Khai, Narathiwat, Thailand dengan harapan usahawan wanita Kelantan berjaya mempelajari sedikit sebanyak prosedur dan sistem pengurusan yang cekap dan teratur oleh wanita-wanita Thailand. Manakala lawatan rasmi UiTMCK (U-KeKWa Synergy) serta PPWK ke Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) pula adalah bermatlamat untuk memberi cadangan penubuhan Kolej Kemahiran Wanita di negeri Kelantan. Di dalam usaha bagi menjalankan dapatan kajian tersebut, para penyelidik UiTMCK telah mendapat maklum balas daripada beberapa pihak seperti tenaga pengajar PPWK serta alumni PPWK (bekas pelajar PPWK) yang mana secara tidak langsung bertujuan untuk mendapatkan maklumat supaya golongan wanita B40 di negeri Kelantan dapat dibantu serta melestarikan lagi wanita Kelantan secara amnya agar mereka dapat meringankan beban keluarga serta dapat menambah sumber ekonomi dengan kemahiran yang telah disediakan oleh PPWK(**Rujuk Bukti 1**).

Inisiatif **pelaksanaan Projek Pengurusan Kewangan Masjid**, kerjasama di antara Fakulti Perakaunan dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) pula, terdapat 3 siri program yang telah dilaksanakan. Program-program tersebut adalah Kursus Pengurusan Kewangan Masjid Jajahan Machang Siri 1, Kursus Pengurusan Kewangan Masjid Jajahan Kota Bharu Siri 2 dan Kursus Pengurusan Kewangan Masjid Jajahan Kota Bharu Siri 3 yang telah dijalankan sepanjang 2018 hingga 2020 (**Rujuk Bukti 2**).

Bagi **Projek Student Engagement and Development (SEED)** pula, terdapat beberapa inisiatif yang telah dijalankan pada tahun 2019. Antaranya adalah seperti OPKIM (Ikatan Ukhwah) iaitu sebuah program yang berteraskan “Championing Datapreneurship, Empowering Community” anjuran jawatankuasa kolej-kolej dan persatuan akademik mahasiswa UiTMCK. Seterusnya, program-program seperti Program Talk (Hala Tuju Masa Depan Graduan Melayu), Program School Attack A+ Math, OPKIM (Budi Disemai Kasih Tercipta), Program Do Care, Spread Love, Program School Attack 3.0 serta Math Explorancemerupakan inisiatif-inisiatif lain yang dapat dilaksanakan pada 2019 (**Rujuk Bukti 3**). Program-program tersebut merupakan kepelbagaian inisiatif UiTMCK yang telah berjaya dilakukan hasil adanya kolaborasi dengan industri/ komuniti luar, masyarakat serta khidmat kepakaran mahasiswa Selain Project SEED, UiTMCK telah berjaya melaksanakan inisiatif program yang telah disertai oleh mahasiswa UiTMCK di **peringkat antarabangsa** iaitu **Program Khidmat Masyarakat di penempatan pelarian Syria yang terletak di Al Nokhba School, Turki** di bawah perancangan Projek Pengantarabangsaan Pembangunan Ilmu, Keusahawanan dan Khidmat Masyarakat di Turki pada tahun 2020 (**Rujuk Bukti 4**). Program khidmat masyarakat di peringkat global ini diadakan dengan mengadakan aktiviti bersama anak-anak pelarian Syria serta menyampaikan sumbangan kepada pelarian Syria di penempatan ini. Dengan itu, terbukti segala pelaksanaan inisiatif yang telah dijalankan oleh UiTMCK dapat disebarluaskan bukan sahaja di kalangan staf, mahasiswa UiTMCK sahaja namun juga kepada masyarakat setempat serta komuniti luar seperti sekolah-sekolah luar bandar, komuniti kampung dan industri. Dengan adanya hubungan yang terjalin di antara UiTMCK serta pihak luar tidak kira di peringkat domestik dan juga di peringkat luar negara ini pastinya memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_Lampiran 6.3_Kerjasama UiTMCK \(U-KeKWa Synergy\) dan Urus Setia Kebajikan.](#)

[Pembangunan Keluarga dan Wanita PPWK \(U-KeKWa\) negeri Kelantan.pdf](#)

2. [Bukti 2_Lampiran 6.3_PROJEK PENGURUSAN KEWANGAN MASJID, KERJASAMA DI ANTARA FAKULTI PERAKAUNAN DAN MAIK.pdf](#)

3. [Bukti 3_Lampiran 6.3_Projek Student Engagement and Development \(SEED\).pdf](#)

4. [Bukti 4_lampiran 6.3_PROGRAM PENGANTARABANGSAAN PEMBANGUNAN ILMU, KEUSAHAWANAN DAN KHIDMAT MASYARAKAT DI TURKI.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Dalam memastikan pembudayaan aktiviti-aktiviti komuniti dan kesukarelawan UiTMCK berjaya dilaksanakan, pemantauan berterusan telah dilakukan. **Pelaksanaan pemantauan projek kerjasama UiTMCK (U-KeKWa Synergy)** dan Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita PPWK (U-KeKWa) negeri Kelantan adalah melalui kaedah temubual dengan pihak PPWK, bengkel kemahiran dan peningkatan sendiri & keusahawanan, penandaarasan dan lawatan di Narathiwat Tahiland pada 22-24 Ogos 2019, penyelia dilantik bagi setiap aktiviti, dan lawatan penandaarasan ke Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) pada 15 September 2019 (**Rujuk Bukti 1**).

Proses pemantauan Projek Pengurusan Kewangan Masjid, kerjasama di antara Fakulti Perakaunan dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dilakukan melalui kaedah beberapa siri kursus, perbincangan dan perkongsian slot (**Rujuk Bukti 2**) dan lawatan mesra audit di jajahan Negeri Kelantan. Siri 1 bermula bagi 50 mukim masjid dan 150 pentadbir masjid di jajahan Machang. Siri 2 (29 Jun 2019 hingga 27 Julai 2019) dan siri 3 (2 November 2019 hingga 7 Disember 2019) melibatkan 100 mukim masjid dan pentadbir masjid di jajahan Kota Bharu. Jangkaan pemantauan melalui Memorandum Perjanjian (MOA) pada 23 Januari 2019. Lawatan mesra audit berkala juga dilakukan oleh wakil perunding UiTMCK sepanjang Ogos - Disember 2019 bagi memantau keberkesanan terhadap para peserta kursus dalam mengaplikasikan ilmu yang dipelajari bagi setiap sesi kursus-kursus yang telah dilaksanakan bagi projek ini (**Rujuk Bukti 3**). Selain itu, pemantauan berkala ini juga dilaksanakan bagi mengenalpasti permasalahan yang masih timbul selepas kursus-kursus tersebut.

Pelaksanaan pemantauan program Student Engagement and Development (SEED) (**Rujuk Bukti 4**) serta Projek Pengantarabangsaan Pembangunan Ilmu, Keusahawanan Dan Khidmat Masyarakat di Turki adalah melalui kaedah pelaporan akhir program secara berkala oleh AJK pelaksana dan diserahkan kepada PTJ yang terlibat (**Rujuk Bukti 5**).

SENARAI BUKTI:

1. [Bukti 1_Lampiran 6.4.1_Kerjasama UiTMCK \(U-KeKWa Synergy\) dan Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita PPWK \(U-KeKWa\) negeri Kelantan.pdf](#)
2. [Bukti 2_Lampiran 6.4.1_PROJEK PENGURUSAN KEWANGAN MASJID, KERJASAMA DI ANTARA FAKULTI PERAKAUNAN DAN MAIK.pdf](#)
3. [Bukti 3_Lampiran 6.4.1_LAWATAN MESRA AUDIT BERKALA BAGI PROJEK PENGURUSAN KEWANGAN MASJID, KERJASAMA DI ANTARA FAKULTI PERAKAUNAN DAN MAIK.pdf](#)
4. [Bukti 4_Lampiran 6.4.1_Projek Student Engagement and Development \(SEED\).pdf](#)
5. [Bukti 5_Lampiran 6.4.1_LAPORAN PROGRAM TURKI.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Antara risiko yang dikenalpasti dan langkah pencegahan adalah seperti berikut:

Risiko yang dikenalpasti melalui projek kerjasama **UiTMCK (U-KeKWa Synergy)** dan pihak U-KeKWa negeri Kelantan dan langkah pengurusan adalah melalui Takbir urus PPWK iaitu merancang penggunaan sumber yang ada secara maksimum dan sewajarnya, mengaplikasi ketelusan dan integriti yang tinggi serta mengamalkan pentadbiran dan perkhidmatan yang dinamik. kualiti kemahiran pelajar PPWK. Penilaian adalah menerusi pemantauan contohnya dengan menggunakan portfolio peribadi pelajar perlu dilakukan ke atas pelajar PPWK supaya objektif program dapat dicapai, kepelbagaian bidang serta kursus keusahawanan yang berkaitan dengan pemasaran secara *online* atau digital seiring dengan perkembangan terkini. Oleh yang demikian pelbagai produk inovasi yang telah dihasilkan bagi mengurangkan impak risiko bagi projek ini. Antara produk inovasi yang dihasilkan adalah melalui pertandingan-pertandingan inovasi dan telah mendapat pengiktirafan di 2019 KIK UiTM Zon Timur dalam Anugerah Penjana Pendapatan Sebenar Terbaik, Anugerah Fasilitator Terbaik Ts. Zafian, Anugerah Kik Hibrid Terbaik Bidang Inovasi Sosial, (Kategori Penambahbaikan), dan Anugerah Penarafan Emas. Selain itu, U-Kekwa Synergy juga mendapat Anugerah Penarapan Emas dan IR4.0 di Regional Convention on Team Excellence (Ristex) Wilayah Pantai Timur pada 21-22 September 2020 dan Anugerah Penarapan Emas 5 Bintang di Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition APIC 2020 pada 17-20 November 2020 **(Rujuk Bukti 1)**.

Antara risiko lain yang dikenalpasti dalam melaksanakan projek ini secara bersemuka adalah ancaman penularan COVID-19. Bagi mengatasi risiko ini, UiTMCK telah menguatkuasakan arahan yang dikeluarkan oleh Naib Canselor supaya menangguhkan semua program yang melibatkan perjumpaan secara fizikal semasa penularan COVID-19 **(Rujuk Bukti 2)**. Risiko yang dikenalpasti melalui projek Pengurusan Kewangan Masjid adalah kekurangan pengetahuan mengurus kewangan masjid. Oleh itu, Langkah pencegahan dengan mewujudkan Inovasi Pengurusan Kewangan: Sistem Perakodan Masjid (SPM) **(Rujuk Bukti 3)** dan Pembentangan Hasil Audit kepada pihak MAIK Bagi tujuan penambahbaikan tadbir urus masjid pada 5 Mac 2020 **(Rujuk Bukti 4)**. Begitu juga dengan projek Projek Pengantarabangsaan Pembangunan Ilmu, Keusahawanan Dan Khidmat Masyarakat di Turki, di mana projek ini dilaksanakan ketika penularan COVID-19 sedang menular di seluruh negara. Langkah keselamatan telah diambil oleh pihak terlibat dengan mengisi borang kebenaran ke luar negara yang telah diluluskan oleh Naib Canselor UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_Lampiran 6.4.2_INOVASI PROJEK U-KeKWa.pdf](#)
2. [Bukti 2_Lampiran 6.4.2_ARAHAN PELAKSANAAN PENGOPERASIAN UiTM \(COVID-19\).pdf](#)
3. [Bukti 3_Lampiran 6.4.2_INOVASI PENGURUSAN KEWANGAN MASJID SISTEM PEREKODAN MASJID.pdf](#)
4. [Bukti 4_Lampiran 6.4.2_LAWATAN MESRA AUDIT BERKALA BAGI PROJEK PENGURUSAN KEWANGAN MASJID, KERJASAMA DI ANTARA FAKULTI PERAKAUNAN DAN MAIK.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi projek kerjasama **UiTMCK (U-KeKwa Synergy)** dan pihak U-KeKwa negeri Kelantan, dapatan penandaarasan telah digunapakai bagi tujuan peningkatan kualiti kemahiran pelajar PPWK di mana setiap pelajar mempunyai portfolio peribadi masing-masing di mana setiap perkembangan pembelajaran direkodkan setiap hari oleh pelajar dan disahkan oleh tenaga pengajar. Ini juga dapat membantu di dalam proses pemantauan. Portfolio peribadi ini juga boleh digunakan sebagai bukti penglibatan pelajar di dalam mempelajari kemahiran tertentu. Bagi meningkatkan penggunaan sumber, mengamalkan pentadbiran dan perkhidmatan yang telus, berintegriti dan dinamik, satu penanda arasan YPKT diwujudkan dan boleh dirujuk oleh PPWK melalui program Home Manager. Pembayaran gaji dibuat oleh majikan melalui YPKT, di mana YPKT akan membuat bayaran kepada pekerja bagi memastikan bayaran gaji dibayar pada waktu yang ditetapkan dan juga menjaga kebajikan pekerja. Secara spesifik, PPWK mewujudkan sistem dokumentasi aliran kerja yang sistematik, sistem pengurusan kewangan yang telus, dan sistem pentadbiran yang serba boleh. PPWK juga mengamalkan konsep yang lebih terbuka dari segi mempelbagaikan penjana pendapatan iaitu dengan melibatkan diri dalam bidang pertanian, perikanan, penghasilan produk kraftangan, dan home manager (**Rujuk Bukti 1**).

Bagi memastikan penambahbaikan projek **Projek Pengurusan Kewangan Masjid**, modul pengajaran yang digunakan sentiasa di tambah baik dan dalam usaha untuk diterbitkan bagi menjaga kualiti kandungannya. Inovasi (Sistem Perakodan Masjid) juga diperkenalkan oleh perunding bagi menambahbaik operasi dan pengurusan kewangan masjid (**Rujuk Bukti 2**). Mesyuarat dan lawatan audit berterusan juga dilaksanakan bagi memastikan pihak masjid sentiasa mendapat ilmu terkini berkenaan projek ini (**Rujuk Bukti 3**).

Bagi mengelakkan para pelajar dan kakitangan UiTMCK terdedah dengan risiko dijangkiti Covid-19, bermula April 2020 kebanyakan program dan aktiviti pelajar dibuat secara atas talian. Begitu juga dengan aktiviti kemasyarakatan dan komuniti, jadi perkara ini agak menyukarkan pelajar untuk berinteraksi secara bersemuka dengan masyarakat luar. Namun, masih terdapat beberapa aktiviti bersama masyarakat yang berjaya dianjurkan oleh pelajar yang mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan antaranya adalah seperti seperti Program Bingkisan Sesuci Ramadhan, Projek AC Care Semasa Covid19 - Keperihatinan Fakulti Ke Atas Pelajar Dan Keluarga Yang Memerlukan Bantuan, Science-To-Action (S2A) anjuran Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) , Program Fakulti Pengurusan & Perniagaan bersama Sek Ren Kampong Chap dan Persatuan Penduduk Kampong Chap dan Aktiviti Kolej Kediaman UM Nilam Puri bersama Fakulti Pengurusan Maklumat UiTMCK.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_Lampiran 6.4.3_LAPORAN PENANDA ARASAN DAN PENYELIDIKAN DI YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU \(YPKT\).pdf](#)
2. [Bukti 2_Lampiran 6.4.3_INOVASI PENGURUSAN KEWANGAN MASJID SISTEM PEREKODAN MASJID.pdf](#)
3. [Bukti 3_Lampiran 6.4.3_LAWATAN MESRA AUDIT BERKALA BAGI PROJEK PENGURUSAN KEWANGAN MASJID, KERJASAMA DI ANTARA FAKULTI PERAKAUNAN DAN MAIK.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pelbagai inovasi yang telah dihasilkan oleh warga UiTMCK bagi memantapkan lagi sistem kerja dan proses organisasi yang terlibat. Kejayaan dalam penghasilan produk inovasi yang melibatkan idea yang kreatif dan inovatif dapat memberi impak yang positif bukan sahaja kepada warga UiTMCK bahkan kepada komuniti dan masyarakat dalam dan luar negara. Bagi projek perundingan UiTMCK (**U-KeKWa Synergy**), penubuhan kumpulan KIK U-KeKWa Synergy telah **membantu menyelesaikan masalah kadar pendapatan yang rendah dalam kalangan peserta PPWK khususnya yang terdiri daripada kumpulan B40**. Kumpulan ini juga telah merealisasikan objektif pihak U-KeKWa negeri Kelantan dalam melestarikan program-program yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Inovasi yang dihasilkan oleh kumpulan KIK U-KeKWa Synergy telah mendapat banyak pengiktirafan yang membanggakan melalui pertandingan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) samada di peringkat zon dan kebangsaan. Antara pengiktirafan yang telah diterima oleh kumpulan ini adalah Anugerah Penarafan Emas, Anugerah KIK Hibrid Terbaik Bidang Inovasi Sosial (Kategori Penambahbaikan), Anugerah Penjana Pendapatan Sebenar Terbaik, Anugerah KIK Hybrid Terbaik, Anugerah Fasilitator Terbaik – UKeKWa Synergy, Anugerah Penarafan Perak dan banyak lagi (**Rujuk Bukti 1**).

Selain itu, pencapaian dan penciptaan produk inovasi yang melibatkan komuniti masjid juga turut dihasilkan. Produk inovasi yang dinyatakan adalah **Sistem Perekodan Masjid (SPM) (Rujuk Bukti 2)**. Inovasi ini dihasilkan oleh para perunding UiTMCK bagi membantu komuniti masjid dalam menguruskan kewangan institusi masjid mereka dengan lebih efisien dan cekap.

UiTMCK melalui Fakulti Perakaunan juga telah berjaya melaksanakan program integrasi yang telah disertai oleh mahasiswa UiTMCK di peringkat antarabangsa iaitu **Program Khidmat Masyarakat di penempatan pelarian Syria yang terletak di Al Nokhba School, Turki** di bawah perancangan Projek Pengantarabangsaan Pembangunan Ilmu, Keusahawanan Dan Khidmat Masyarakat di Turki pada tahun 2020. Program khidmat masyarakat di peringkat global ini diadakan dengan mengadakan aktiviti bersama anak-anak pelarian Syria serta menyampaikan sumbangan kepada pelarian Syria di penempatan ini (**Rujuk Bukti 3**). Melalui pencapaian ini, maka terbuktilah bahawa pencapaian warga UiTMCK bukan sahaja sekadar memenuhi keperluan organisasi UiTMCK tetapi ia meliputi keperluan dan penambahbaikan yang berterusan di kalangan komuniti dan masyarakat setempat dan antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_Lampiran 6.5_INOVASI PROJEK U-KeKWa.pdf](#)
2. [Bukti 2_Lampiran 6.5_INOVASI PENGURUSAN KEWANGAN MASJID SISTEM PEREKODAN MASJID.pdf](#)
3. [Bukti 3_Lampiran 6.5_PROGRAM PENGANTARABANGSAAN PEMBANGUNAN ILMU, KEUSAHAWANAN DAN KHIDMAT MASYARAKAT DI TURKI.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL DARI TUMPUAN SUMBER MANUSIA

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam mencapai objektif untuk menjadi tempat rujukan oleh pelajar dan komuniti, UiTMCK sentiasa memberi tumpuan kepada **sumber manusia**. Pihak pengurusan kanan sentiasa memberi galakan kepada semua staf UiTMCK untuk melibatkan diri dalam program kerjasama dengan alumni, komuniti dan aktiviti kesukarelawanan. Selaras dengan perancangan strategik yang ingin menjadikan kampus UiTMCK sebagai kampus tumpuan pelajar dan komuniti setempat, pelbagai sokongan yang diberikan oleh pihak pengurusan seperti penubuhan kumpulan **Special Interest Group (SIG)** dengan bantuan geran untuk membantu staf UiTMCK khususnya staf akademik dalam membantu mereka untuk terlibat lebih aktif dengan alumni, komuniti dan kesukarelawanan. Hasil dari sumber manusia juga boleh dilihat dari penglibatan aktif staf akademik dalam *Knowledge Transfer Program (KTP)* kepada alumni, komuniti setempat serta antarabangsa seperti; UiTMCK bekerjasama dengan Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa), Negeri Kelantan bagi meningkatkan taraf hidup golongan wanita di bawah B40 di Negeri Kelantan. Ahli perunding UiTMCK dengan kerjasama U-KeKWa telah melakukan **lawatan penanda arasan dan penyelidikan** di Kampung Rotan Batu Ban Khai di Narathiwat Thailand dan ke Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT), seterusnya KTP juga dijalankan oleh Fakulti Perakaunan UiTMCK dengan kerjasama MAIK dalam penganjuran **Kursus Pengurusan Kewangan Masjid** bagi seluruh negeri Kelantan. Hasil keberkesanan kursus tersebut pihak MAIK telah bersetuju untuk menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) pada 23 Januari 2019 untuk mengadakan kursus ini di seluruh jajahan Negeri Kelantan. UiTMCK juga telah menggunakan kepakaran staf dengan menghasilkan **projek menjahit PPE (Personal Protective Equipment) kepada Frontliners** dengan kerjasama Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA) Cawangan Kelantan. Sebanyak 640 pasang PPE yang telah disiapkan selama sebulan. Jalinan kerjasama ini tidak melibatkan sebarang keuntungan material dan hanya mengkhususkan kepada projek komuniti.

UiTMCK sentiasa proaktif dalam menjalankan usaha kemasyarakatan dan kesukarelawanan samada melalui kerjasama dengan pelbagai agensi, komuniti dan alumni. Program- program ini dijalankan oleh semua fakulti di UiTMCK seperti **Tabung Bantuan Covid-19** iaitu kerjasama di antara Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) dan Masjid Al-Ikhlash, Kg Paya Lada. Program ini bertujuan untuk memberi bekalan bantuan asas kepada penduduk yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). FPM juga memperluaskan khidmat kemasyarakatan ke luar daripada negeri Kelantan dengan menganjurkan Projek Prihatin Meru. Projek ini adalah kerjasama di antara penduduk setempat Meru dan melibatkan 15 orang wakil FPM. Fakulti Perakaunan (FP) juga tidak ketinggalan dengan menubuhkan **Tabung AC Care** bermula tahun 2019 bagi menyalurkan sumbangan yang diperolehi dengan cara yang sistematik kepada pelajar-pelajar yang tergolong dalam kumpulan B40.

Pihak UiTMCK juga telah meluaskan khidmat kesukarelawanan ini dengan bekerjasama dengan Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM Shah Alam, MAIK dan Masjid Mukim Kuala Betis untuk memantapkan pembangunan insan warga orang asli melalui **Program Kembara Asnaf**. Di samping membina peribadi dan menaik taraf hidup penduduk orang asli program ini juga bertujuan untuk berkongsi kemahiran dan kepakaran peserta UiTMCK. Pihak pengurusan UiTMCK juga menyediakan anugerah bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan dan komitmen yang tinggi oleh staf dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Anugerah tersebut adalah Anugerah Perhubungan Industri, Masyarakat & Alumni (APKIM). Anugerah ini diberikan kepada staf UiTMCK yang mengetengahkan kepakaran serta khidmat mereka bersama masyarakat setempat melalui pertandingan.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [7.12_Tahap Perancangan Strategik.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [7.13_Tren Perancangan Strategik.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [7.14_Perbandingan Perancangan Strategik.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [7.15_Kepentingan Perancangan Strategik.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil daripada Pelaksanaan Perancangan Strategik

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

HASIL DARIPADA PELAKSANAAN PERANCANGAN STRATEGIK

Ringkasan Eksekutif

Kepimpinan UiTMCK mengambil serius pelaksanaan **perancangan strategik** bila mana semua aktiviti serta program di semua peringkat perlu mengambilkira kepentingan pencapaian petunjuk prestasi (PI) yang telah ditetapkan ke atas UiTMCK. Bagi memastikan PI yang ditetapkan ke atas UiTMCK dapat dicapai dengan jayanya, mesyuarat serta bengkel perbincangan ke arah pencapaian PI dilakukan seawal bulan Disember pada tahun sebelumnya. Ini bagi memastikan pelaksanaan aktiviti dan program yang menyumbang ke arah pencapaian PI dapat dimulakan dengan segera pada awal setiap tahun.

Perancangan strategik UiTMCK adalah berpandukan perancangan strategik yang telah ditetapkan oleh UiTM secara keseluruhan. Pada tahun 2019, petunjuk prestasi bagi UiTMCK adalah sepertimana tahun 2018. Namun oleh kerana UiTMCK telah menunjukkan pencapaian prestasi yang cemerlang pada tahun 2018 maka sasaran pencapaian untuk UiTMCK telah turut dipertingkatkan. Manakala pada tahun 2020, perancangan strategik **UiTM 2025** telah diperkenalkan yang mana sasaran pencapaian yang ditetapkan adalah lebih berfokus untuk meletakkan UiTM sebagai sebuah **universiti terkemuka di dunia**. Selaras dengan perubahan ini, UiTMCK turut memperkemas tumpuan dan perancangannya bagi memastikan petunjuk prestasi yang ditetapkan dapat dicapai dengan jayanya.

Dalam memastikan pencapaian petunjuk prestasi yang ditetapkan, UiTMCK tidak mengeneikan peranannya sebagai sebuah universiti yang seharusnya turut menyumbang ke arah pembangunan komuniti setempat. Sebagai sebuah universiti awam yang utuh berada di negeri yang mana tahap keciciran pembelajaran serta kemiskinan yang masih perlukan bantuan dan sokongan, UiTMCK telah membuat perancangan untuk melipatgandakan usaha memajukan komuniti setempat. Melalui slogan '**Leading in Entrepreneurship and Community Engagement**' dan kemudiannya diperkemas kepada "**Championing Datapreneurship, Empowering Community**" ia dapat dipastikan bahawa tumpuan kepimpinan UiTMCK kekal mengkhususkan kepada peranan membangunkan komuniti. Bagi tahun 2019, 8 PI telah dikenalpasti menyumbang kepada bidang tumpuan UiTMCK manakala pada tahun 2020, 10 PI dikenalpasti membantu UiTMCK mengekalkan jalinan alumni, komuniti dan kesukarelawanan.

Bagi memastikan UiTMCK berjaya mencapai sasaran perancangan strategik yang dipertanggungjawabkan, kerjasama dan penglibatan dari semua warga kampus telah dipertingkatkan. Pihak pengurusan, staf serta para pelajar perlu sama-sama berganding bahu untuk memastikan pencapaian perancangan strategik yang cemerlang dan melangkaui jangkaan. **Tahap pencapaian UiTMCK sentiasa dilaporkan dan dibincangkan** secara berkala (bulanan) di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) (2 kali setahun) serta bengkel pembentangan pencapaian strategik UiTMCK di antara pemilik dan pelaksana PI turut dilaksanakan setiap 2 ataupun 3 bulan.

Di samping itu, bagi menghargai usaha setiap jabatan dan fakulti, Unit Transformasi Universiti (UTU) UiTMCK yang memperolehi sokongan dan kepercayaan penuh dari pihak pengurusan UiTMCK turut menyediakan **sijil serta cenderahati penghargaan** kepada jabatan dan fakulti yang telah berjaya menyumbang ke arah pencapaian prestasi UiTMCK.

Menyampaikan siji dan cenderung penghargaan telah disampaikan pada setiap awal tahun bagi menghargai pencapaian tahun terdahulu serta memberi dorongan kepada jabatan dan fakulti untuk meneruskan usaha dan pencapaian cemerlang pada tahun yang baru.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [7.2.2_Tahap Tumpuan Pelanggan.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [7.2.3_Tren Tumpuan Pelanggan.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [7.2.4_Perbandingan Tumpuan Pelanggan.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [7.2.5_Kepentingan Tumpuan Pelanggan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL TUMPUAN PELANGGAN

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan (UiTMCK) amat menitikberatkan kepentingan pihak pelang dalam setiap aspek terutamanya aspek kemasyarakatan selaras dengan objektif perancangan strategik yar ketiga iaitu memperkasakan hubungan bestari dan kerjasama strategik untuk pembangunan masyarakat se perubahan sosial dan ekonomi dan amanat Naib Canselor 2019 yang bertemakan “Melonjak Profil Global UiTM-Sumbangan Berimpak Tinggi kepada Masyarakat”. Ia juga bersesuaian dengan Falsafah, Misi, Visi U keseluruhannya yang menitik beratkan aspek kemasyarakatan.

Pelbagai **program kemasyarakatan** yang dijalankan oleh UiTMCK pada tahun 2019 dan 2020 yang member impak tinggi kepada masyarakat diperingkat kebangsaan dan antarabangasa. Antara program yang terlibat adalah, Kursus Pengurusan Kewangan Masjid, U-KeKWa Synergy, Kolaborasi Pendidikan Dan Pengurusai Maklumat Bersama Kemahang Care. Program yang dijalankan ini adalah melibatkan staf, agensi luar dan masyarakat. Disamping memberi sumbangan kepada masyarakat, program yang dijalankan ini juga mampi melatih staf bagi memberi **sumbangan kepakaran** kepada masyarakat dan memudah cara kepada agensi untuk memberi sumbangan kepada masyarakat.

Di samping program kemasyarakatan di peringkat kebangsaan UiTMCK juga terlibat dengan **program kemasyarakatan diperingkat antarabangsa** seperti Program Pengantarabangsaan, Pembangunan Ilmu, Keusahawanan dan Khidmat Masyarakat di Ist AC Care juga terlibat dengan program memberi derma bulanan kepada Yayasan Nurul Hikmah, sebuah pa asuhan di Padang Indonesia.

UiTMCK amat konsisten dalam memberi khidmat kepada komuniti, di mana setiap program dijalankan adal berterurusan dan memberi tinggi impak kepada komuniti, stiap program yang dijalan akan diberi penambah baikan bagi memastikan UiTMCK sebagai sebuah IPTA yang sentiasa menjadi rujukan oleh pelbagai pihak

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [7.3.2_Tahap Sumber Manusia.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [7.3.3_Tren Sumber Manusia.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [7.3.4_Perbandingan Sumber Manusia.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [7.3.5_Kepentingan Sumber Manusia.pdf](#)